

**GARIS PANDUAN**

Kadar Uruf  
**Pemakaian**  
**Emas**

dalam Kalangan Wanita Islam





**GARIS PANDUAN  
KADAR *URUF* PEMAKAIAN EMAS  
DALAM KALANGAN WANITA ISLAM**

**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)**

**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**[www.jawhar.gov.my](http://www.jawhar.gov.my)**

Cetakan Pertama 2024

© Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Aras 8 – 9, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya (KIP), Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3, 62100 Putrajaya.

**Diterbitkan oleh:**

**Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)**

Jabatan Perdana Menteri,  
Aras 8 – 9, Blok D,  
Kompleks Islam Putrajaya (KIP),  
Jalan Tun Abdul Razak,  
Presint 3, 62100 Putrajaya.

Tel: 603-8883 7400 Faks: 603-8883 7406

**Dicetak oleh:**

Aras Mega (M) Sdn. Bhd. (198701005571)

No. 18 & 20, Jalan Damai 2,  
Taman Desa Damai, Sg. Merab,  
43000 Kajang, Selangor.

Tel: 03-89258975 Faks: 03-89258985

E-mel: [amsb@arasmega.com](mailto:amsb@arasmega.com)

Laman Web: [www.arasmega.com](http://www.arasmega.com)

# KANDUNGAN

## **Bab 1   Pendahuluan**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif	2
1.3 Skop	2
1.4 Kaedah Penyediaan	3
1.5 Dasar dan Prinsip Asas Kutipan Zakat	3
1.6 Kesimpulan	5

## **Bab 2   Zakat Emas Perhiasan Menurut Syarak**

2.1 Pengenalan	7
2.2 Konsep Zakat Emas	8
2.3 Zakat Emas Perhiasan Menurut Pandangan Mazhab	10
2.4 <i>Uruf</i> bagi Penentuan Zakat Emas Perhiasan	18
2.5 Kesimpulan	24

## **Bab 3   Konsep dan Amalan Zakat Emas Perhiasan di Malaysia**

3.1 Pengenalan	25
3.2 Peruntukan Undang-undang	26
3.3 Fatwa dan Amalan Berkaitan Zakat Emas Perhiasan di Malaysia	27
3.4 Amalan Pengiraan Zakat Emas Perhiasan di Malaysia	36
3.5 Kesimpulan	41

<b>Bab 4 Model Penetapan Kadar <i>Uruf</i> Pemakaian Emas</b>	
4.1 Pengenalan	43
4.2 Kajian Penentuan Kadar <i>Uruf</i> Pemakaian Emas pada Peringkat Kebangsaan	44
4.3 Model Penentuan Kadar <i>Uruf</i> Pemakaian Emas	45
4.4 Cadangan Kadar <i>Uruf</i> Pemakaian Emas pada Peringkat Negeri dan Kebangsaan	56
4.5 Cadangan Pelaksanaan Kajian pada Peringkat Negeri	58
4.6 Kesimpulan	60
<b>Bab 5 Penutup</b>	
5.1 Pengenalan	61
5.2 Impak	62
5.3 Kesimpulan	62
<b>Rujukan</b>	63

## BAB 1



### PENDAHULUAN

#### Firman Allah SWT:

أُولَئِكَ لَهُمْ جَنَّاتُ عَدْنٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ  
مِنْ ذَهَبٍ وَيَلْبَسُونَ ثِيَابًا خُضْرًا مِنْ سُنْدُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ مُتَّكِنِينَ فِيهَا عَلَى  
الْأَرَائِكِ نَعَمَ الثَّوَابُ وَحَسُنَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٣١﴾

Maksudnya: "Mereka itu, disediakan baginya syurga yang kekal, yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka dihiaskan di dalamnya dengan gelang-gelang tangan emas, dan memakai pakaian hijau daripada sutera yang nipis dan sutera tebal yang bersulam; mereka berehat di dalamnya dengan berteleku di atas pelamin-pelamin (yang berhias). Demikian itulah balasan yang sebaik-baiknya dan demikian itulah syurga tempat berehat yang semolek-moleknya."

(Surah al-Kahfi 18: 31)

#### 1.1. PENGENALAN

Garis Panduan Kadar *Uruf* Pemakaian Emas dalam Kalangan Wanita Islam diterbitkan bertujuan untuk menerangkan perihal penentuan kadar *uruf* emas perhiasan dalam kalangan wanita Islam di negeri-negeri seluruh Malaysia. Garis panduan ini disediakan selaras dengan Keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (dahulu dikenali sebagai Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia) Kali Ke-107 yang telah menyarankan supaya satu garis panduan kadar *uruf* pemakaian emas dalam kalangan wanita Islam disediakan untuk penyelarasan pada peringkat negeri. Bab pertama

ini akan menerangkan tentang objektif, skop, kaedah penyediaan garis panduan serta dasar dan prinsip asas dalam kutipan zakat.

## 1.2. OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk:

- (a) Membincangkan tentang konsep zakat emas perhiasan dan kaedah penentuan *uruf* emas perhiasan menurut pandangan ulama;
- (b) Menjelaskan konsep dan amalan semasa penentuan kadar *uruf* emas perhiasan di Malaysia;
- (c) Menyediakan garis panduan yang jelas berkaitan model penetapan kadar *uruf* emas perhiasan;
- (d) Menyeragamkan prosedur penetapan kadar *uruf* emas perhiasan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) seluruh Malaysia; dan
- (e) Menyebarluaskan ilmu pengetahuan berkaitan zakat emas perhiasan kepada masyarakat umum.

## 1.3. SKOP

Garis panduan ini secara umumnya menyentuh tentang zakat emas perhiasan serta kaedah penetapan kadar *uruf* emas perhiasan dalam kalangan wanita Islam bagi tujuan penyeragaman. Garis panduan ini pada bahagian awalnya menyentuh tentang zakat emas perhiasan menurut syarak yang merangkumi konsep zakat emas, zakat emas perhiasan menurut pandangan mazhab dan *uruf* bagi penentuan zakat emas perhiasan. Seterusnya, garis panduan ini akan menyentuh tentang konsep dan amalan zakat emas perhiasan di Malaysia yang merangkumi peruntukan undang-undang, fatwa dan amalan berkaitan zakat emas perhiasan di Malaysia serta amalan pengiraan zakat emas perhiasan di Malaysia. Akhir sekali, garis panduan ini menyentuh tentang kajian penentuan kadar *uruf*



pemakaian emas pada peringkat kebangsaan, model penentuan kadar *uruf* pemakaian emas, cadangan kadar *uruf* pemakaian emas pada peringkat negeri dan kebangsaan serta cadangan pelaksanaan kajian pada peringkat negeri untuk dijadikan panduan dan rujukan oleh semua pihak berkaitan.

#### 1.4. KAEDAH PENYEDIAAN

Garis panduan ini disediakan melalui kaedah perbincangan secara langsung, sumbang saran idea, kepakaran serta pengalaman para ahli akademik daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), wakil Kementerian Kewangan, wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), para pegawai MAIN dan AMZ daripada seluruh negara serta para pegawai kanan JAWHAR. Kepakaran dan pengalaman mereka semua yang terlibat dikumpulkan dalam beberapa siri mesyuarat dan bengkel sehingga garis panduan ini berjaya dimuktamadkan.

#### 1.5. DASAR DAN PRINSIP ASAS KUTIPAN ZAKAT

##### 1.5.1. Sumber Pensyariatian Kutipan Zakat

Sumber pensyariatian kutipan zakat berdasarkan kepada nas-nas daripada al-Quran dan hadith, antaranya:

(a) Firman Allah SWT:

Maksudnya: “Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu



*menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."*

(*Surah at-Taubah 9: 103*)

(a) Sabda Rasulullah SAW:

... فَأَعْلَمَهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ،  
تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ ...

Maksudnya: "... Maka beritahulah kepada mereka bahawa Allah telah memfardukan ke atas mereka sedekah (zakat), ia dipungut daripada kalangan mereka yang kaya untuk diberikan kembali kepada orang-orang yang fakir dalam kalangan mereka ..."

(*Riwayat al-Bukhari dan Muslim*)

### 1.5.2. Syarat Wajib Zakat

Syarat wajib zakat adalah sebagaimana yang berikut:

- (a) Islam;
- (b) Merdeka;
- (c) Baligh dan sempurna akal;
- (d) Cukup nisab (berbeza-beza mengikut jenis harta); dan
- (e) Cukup haul (setahun Qamariyyah).

### 1.5.3. Jenis Zakat

Secara umumnya, zakat boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu:

#### (a) Zakat Fitrah

Disebut juga sebagai zakat diri atau *zakat an-nafs* (زكاة النفس), ia dibayar bersempena akhirnya bulan Ramadan. Bayarannya berupa makanan asasi,



iaitu beras bagi penduduk Malaysia sebanyak 1 gantang Baghdad (bersamaan 2.6 atau 2.7 kilogram) atau dengan nilainya dalam wang ringgit.

**(b) Zakat Harta**

Harta-harta yang diwajibkan zakat apabila cukup haul dan nisabnya boleh dipecahkan secara umum sebagaimana yang berikut:

- (i) Binatang ternakan;
- (ii) Emas dan perak;
- (iii) Perniagaan;
- (iv) Pertanian;
- (v) Hasil galian dan harta karun;
- (vi) Pendapatan;
- (vii) Saham dan bon;
- (viii) Wang simpanan; dan
- (ix) Caruman berkanun.

**1.6. KESIMPULAN**

Penerbitan garis panduan ini bertujuan untuk memberikan impak positif kepada seluruh umat Islam amnya dan pihak MAIN serta AMZ khususnya dari segi pengurusan kutipan zakat di Malaysia, khususnya berkaitan zakat emas perhiasan. Secara tidak langsung juga, garis panduan ini diharap akan memberi kesedaran kepada masyarakat umum dalam melaksanakan kefarduan menunaikan ibadah zakat khususnya zakat emas perhiasan.



## BAB 2

### Zakat Emas Perhiasan Menurut Syarak

#### Firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنَّ كَثِيْرًا مِّنَ الْاَحْبَارِ وَالرُّهْبٰنِ  
لِيَٰكُوْنُوْا اَمْوَالِ النَّاسِ بِالْبٰطِلِ وَيَصُدُّوْنَ عَن سَبِيْلِ اللّٰهِ  
وَالَّذِيْنَ يَكْتُمُوْنَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُوْنَهَا  
فِي سَبِيْلِ اللّٰهِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ اَلِيْمٍ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya."

(Surah at-Taubah 9: 34)

#### 2.1 PENGENALAN

Emas merupakan logam galian yang berharga kurniaan Allah SWT. Ia merupakan hasil bumi yang sangat bermanfaat kepada manusia sehingga dijadikan sebagai nilai tukaran atau wang bagi setiap sesuatu. Memandangkan emas suatu khazanah alam yang sentiasa menjadi lambang kekayaan seseorang dan mempunyai nilai berterusan, maka emas termasuk dalam kategori logam berharga

yang diwajibkan zakat seperti sumber-sumber kekayaan yang lain. Bab ini akan menghuraikan konsep zakat emas, zakat emas perhiasan menurut pandangan mazhab dan *uruf* bagi penentuan zakat emas perhiasan.

## 2.2 KONSEP ZAKAT EMAS

Ulama telah bersepakat bahawa emas wajib dikeluarkan zakat berdasarkan nas-nas al-Quran dan as-sunnah serta ijmak, setelah memenuhi segala syarat-syaratnya. Mereka membahagikan emas kepada dua kategori, iaitu emas yang disimpan dan emas perhiasan. Kategori pertama ialah emas yang disimpan seperti jongkong, mata wang (dinar), barangan aksesori sama ada di rumah dan seumpamanya. Kategori kedua pula ialah emas perhiasan, iaitu emas yang dipakai oleh kaum wanita.

Kewajipan zakat ke atas emas simpanan telah dinyatakan dalam al-Quran dan as-sunnah seperti:

(a) Firman Allah SWT:

...وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَسْفُقُونَهَا  
فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿١١﴾

Maksudnya: "... Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya."

(Surah at-Taubah 9: 34)

(b) Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

مَا مِنْ صَاحِبِ ذَهَبٍ وَلَا فِضَّةٍ، لَا يُؤَدِّي مِنْهَا حَقَّهَا، إِلَّا إِذَا كَانَ  
يَوْمَ الْقِيَامَةِ، صُفِّحَتْ لَهُ صَفَائِحُ مِنْ نَارٍ، فَأُحْمِيَ عَلَيْهَا فِي نَارِ



جَهَنَّمَ، فَيَكْوَىٰ بِهَا جَنْبَهُ وَجَبِينَهُ وَظَهْرَهُ، كُلَّمَا بَرَدَتْ أُعِيدَتْ لَهُ، فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ، حَتَّىٰ يُقْضَىٰ بَيْنَ الْعِبَادِ ...

Maksudnya: "Seseorang yang mempunyai emas dan perak tetapi tidak menunaikan zakatnya, melainkan pada hari kiamat kelak dijadikan hartanya itu beberapa keping api neraka. Setelah dipanaskan, diseterika bahagian rusuk, dahi dan belakangnya. Setiap kali ia sejuk dipanaskan semula pada satu hari yang lamanya 50 ribu tahun, sehinggalah Allah menyelesaikan segala perkara yang berkaitan dengan hamba-hamba-Nya ..."

(Riwayat Muslim)

(c) Sayidina 'Ali RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

فَإِذَا كَانَتْ لَكَ مِائَتًا دِرْهَمٍ وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ فَفِيهَا خَمْسَةٌ دَرَاهِمَ وَلَيْسَ عَلَيْكَ شَيْءٌ يَعْنِي فِي الذَّهَبِ حَتَّىٰ يَكُونَ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا فَإِذَا كَانَ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ فَفِيهَا نِصْفُ دِينَارٍ فَمَا زَادَ فَبِحِسَابِ ذَلِكَ وَلَيْسَ فِي مَالٍ زَكَاةٌ حَتَّىٰ يَحُولَ عَلَيْهِ الْحَوْلُ.

Maksudnya: "Apabila engkau telah memiliki 200 dirham dan telah sampai haulnya maka zakatnya 5 dirham. Engkau tidak dikenakan zakat (emas) hingga engkau memiliki 20 dinar dan setelah sampai haulnya maka zakatnya ialah 1/2 dinar. Kalau lebih nilai emas yang dimilikinya, maka zakatnya mengikut kadar lebihan nilai emas tersebut. Harta simpanan tidak dikenakan zakat hingga sampai haulnya."

(Riwayat Abu Dawud)

Namun demikian, mengeluarkan zakat emas tertakluk kepada cara pemilikan, penggunaan dan kadar berat emas tersebut setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak.

## 2.3 ZAKAT EMAS PERHIASAN MENURUT PANDANGAN MAZHAB

Perhiasan ialah sesuatu benda yang digunakan untuk mencantikkan diri, menghias rumah dan seumpamanya sama ada diperbuat daripada emas, perak, permata, zamrud, mutiara dan selainnya. Emas merupakan barang kemas yang sangat digemari oleh masyarakat di seluruh dunia termasuklah di Malaysia.

### 2.3.1 Definisi Emas Perhiasan

Perhiasan dalam bahasa Arab ialah *al-halyu* (الْحُلِيِّ), dan kata jamaknya ialah *al-huliyu* (الْحُلِيِّ). Menurut Ibnu Manzur dalam kitabnya *Lisan al-'Arab*, perhiasan ialah sesuatu yang dijadikan alat kecantikan daripada bahan galian dan batu permata. Perhiasan biasanya diperbuat daripada emas atau perak dalam pelbagai bentuk seperti cincin, kalung, gelang dan lain-lain.

Firman Allah SWT:

أُولَئِكَ لَهُمْ جَنَّاتُ عَدْنٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِنْ ذَهَبٍ ...

Maksudnya: "Mereka itu, disediakan bagi mereka syurga yang kekal, yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka dihiaskan di dalamnya dengan gelang-gelang tangan emas ..."

(Surah al-Kahfi 18: 31)

Firman-Nya lagi:

عَلَيْهِمْ ثِيَابٌ سُنْدُسٍ خُضْرٌ وَإِسْتَبْرَقٌ وَحُلُّوْا أَسَاوِرَ مِنْ فِضَّةٍ وَسَقَاهُمْ رَبُّهُمْ شَرَابًا طَهُورًا ﴿١١﴾

Maksudnya: "Mereka di dalam syurga memakai pakaian hijau yang diperbuat daripada sutera halus dan sutera tebal (yang



*bertekak), serta mereka dihiasi dengan gelang-gelang tangan daripada perak, dan mereka diberi minum oleh Tuhan mereka dengan sejenis minuman (yang lain) – yang bersih suci.”*

(Surah *al-Insan* 76: 21)

Firman-Nya lagi:

وَأَخَذَ قَوْمَ مُوسَىٰ مِنْ بَعْدِهِ مِنْ حُلِيِّهِمْ عِجْلًا جَسَدًا  
لَهُمْ خَوَارِجٌ ...

Maksudnya: “Dan kaum Nabi Musa, sesudah dia (pergi ke Gunung Tursina), mereka membuat daripada barang-barang emas perhiasan mereka, (patung) anak lembu yang bertubuh dan bersuara ...”

(Surah *al-A'raf* 7: 148)

Perkataan perhiasan dari segi istilah tidak terkeluar daripada pengertiannya dari segi bahasa di atas. Ia bermaksud emas atau perak yang dijadikan sebagai perhiasan oleh wanita.

Justeru, emas perhiasan yang dimaksudkan ialah barang kemas yang diperbuat daripada emas yang dipakai oleh kaum wanita sebagai perhiasan di badan, sama ada digunakan sepanjang hari atau pada hari-hari tertentu sempena majlis atau upacara tertentu. Termasuk dalam kategori emas perhiasan juga ialah emas yang dijadikan sebagai barangan aksesori. Dengan ini, barang kemas atau perhiasan yang diperbuat daripada perak, permata, zamrud dan mutiara selain emas, tidak termasuk dalam perbincangan.

### 2.3.2 Hukum Zakat Emas Perhiasan

Sebelum meneliti hukum zakat emas perhiasan, para ulama telah bersepakat bahawa perhiasan selain emas dan perak



seperti permata, zamrud dan mutiara tidak diwajibkan zakat. Sekiranya perhiasan tersebut digunakan sebagai barang perniagaan, maka wajib dikenakan zakat perniagaan.

Dalam menentukan hukum zakat emas perhiasan, ulama telah membezakan antara emas perhiasan yang disimpan dengan emas perhiasan yang dipakai.

#### **(a) Hukum Emas Perhiasan yang Disimpan**

Emas perhiasan yang disimpan, diniatkan untuk diniagakan, atau dijadikan barangan aksesori hukumnya wajib dikeluarkan zakat. Mengenai perkara ini, Imam an-Nawawi dalam kitabnya *al-Majmu'* menyatakan bahawa: "... Jika seseorang mempunyai perhiasan (emas dan perak) yang tujuannya tidak untuk dipakai, tetapi disimpan sebagai milik peribadinya, maka wajib dikeluarkan zakat."

Sementara itu, mengenai perhiasan emas yang diniatkan untuk perniagaan, Ibnu Qudamah dalam kitabnya *al-Mughni* menyatakan: "Jika seorang perempuan memakai emas perhiasan, kemudian dia berniat untuk dijadikan sebagai aset perniagaan, maka ia dikenakan zakat setelah sempurna haul. Kiraan haul bermula pada saat dia berniat sebagai aset jualan."

Dengan ini, jika perhiasan emas itu cukup haul (setahun) dan cukup nisab (85 gram), maka wajib dikeluarkan zakat sebanyak 2.5%.

#### **(b) Hukum Emas yang Dipakai**

Ulama berbeza pendapat dalam menentukan hukum zakat emas yang dipakai sebagai perhiasan tubuh badan oleh seseorang wanita walaupun sekali dalam setahun.



**(i) Pendapat Pertama**

Emas yang dipakai oleh seseorang wanita sebagai perhiasan wajib dikeluarkan zakat apabila cukup syarat-syarat wajib. Pendapat ini telah dinyatakan oleh ‘Umar bin al-Khattab, ‘Abdullah bin Mas’ud, ‘Abdullah bin ‘Abbas, ‘Abdullah bin ‘Amru bin al-‘As, Sa’id bin al-Musayyab, Sa’id bin Jubayr, ‘Ata’, Mujahid dan lain-lain. Ia merupakan pendapat mazhab-mazhab Hanafi dan Zahiri. Dalil dan alasan yang diberikan oleh pendukung pendapat ini adalah seperti berikut:

- Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَسْفِقُونَهَا  
 فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: “... Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

(Surah at-Taubah 9: 34)

- Umum hadith yang menyatakan kewajipan zakat emas dan perak. Antaranya hadith Rasulullah SAW yang berbunyi:

مَا مِنْ صَاحِبِ ذَهَبٍ وَلَا فِضَّةٍ، لَا يُؤَدِّي مِنْهَا حَقَّهَا، إِلَّا إِذَا كَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، صُفِّحَتْ لَهُ صَفَائِحُ مِنْ نَارٍ، فَأُحْمِيَ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ، فَيَكْوَى بِهَا

جَنْبُهُ وَجَبِينُهُ وَظَهْرُهُ، كُلَّمَا بَرَدَتْ أُعِيدَتْ لَهُ، فِي  
يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ، حَتَّى يُقْضَى  
بَيْنَ الْعِبَادِ ...

Maksudnya: "Sesiapa yang mempunyai emas dan perak tetapi tidak menunaikan zakatnya, melainkan pada hari kiamat kelak dijadikan hartanya itu beberapa keping api neraka. Setelah dipanaskan, diseterika bahagian rusuk, dahi dan belakangnya. Setiap kali ia sejuk dipanaskan semula pada satu hari yang lamanya 50 ribu tahun, sehinggalah Allah menyelesaikan segala perkara yang berkaitan dengan hamba-hamba-Nya ..."

(Riwayat Muslim)

Begitu juga dengan hadith Rasulullah SAW:

... وَفِي الرِّقَّةِ رُبْعُ الْعَشْرِ ...

Maksudnya: "... Pada perak zakatnya ialah 1/40 (2.5%) ..."

(Riwayat al-Bukhari)

Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam kitabnya *Fiqh al-Zakah* menyatakan bahawa hadith-hadith tersebut umum pada menyatakan zakat tanpa membezakan sama ada emas perhiasan atau emas yang disimpan.

- Hadith khusus mengenai emas perhiasan, iaitu hadith yang diriwayatkan oleh 'Amr bin Syu'aib RA daripada bapanya yang meriwayatkan daripada datuknya yang berkata:



أَنَّ امْرَأَةً أَتَتْ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -  
 - وَمَعَهَا ابْنَةٌ لَهَا، وَفِي يَدِ ابْنَتِهَا مَسَكَتَانِ غَلِيظَتَانِ  
 مِنْ ذَهَبٍ، فَقَالَ لَهَا: أَتَعْطِينَ زَكَاةَ هَذَا؟ قَالَتْ:  
 لَا، قَالَ: أَيَسُرُّكَ أَنْ يُسَوِّرَكَ اللَّهُ بِهِمَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ  
 سِوَارَيْنِ مِنْ نَارٍ؟ قَالَ: فَخَلَعْتُهُمَا فَأَلْقَتْهُمَا إِلَى  
 النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَتْ: هُمَا لِلَّهِ عَزَّ  
 وَجَلَّ وَلِرَسُولِهِ.

Maksudnya: Seorang wanita telah datang kepada Rasulullah SAW bersama anaknya yang memakai dua gelang besar diperbuat daripada emas. Maka Baginda bertanya kepadanya: "Apakah engkau sudah mengeluarkan zakatnya?" Dia menjawab: "Belum." Rasulullah SAW lantas bersabda: "Apakah engkau suka jika Allah memakaikan kepadamu pada hari kiamat dengan dua gelang daripada api neraka?" Berkata rawi, maka perempuan itu menanggalkan kedua-dua utas gelang dan memberikan kepada Rasulullah SAW. Maka perempuan itu berkata: "Kedua-dua ini bagi Allah dan Rasul-Nya."

(Riwayat Abu Dawud)

- Perhiasan wanita bukan keperluan asasi tetapi hanyalah tambahan (tahsiniyyat). Oleh itu, emas perhiasan adalah lebih utama dikenakan zakat kerana ia sesuatu yang telah melebihi keperluan seseorang.

## (ii) Pendapat Kedua

Zakat tidak wajib dikeluarkan ke atas emas perhiasan yang biasa dipakai oleh seseorang wanita seperti rantai, gelang, subang, cincin dan sebagainya. Pandangan ini ialah pendapat 'Abdullah bin 'Umar, 'Aishah, Jabir bin 'Abdullah, Anas bin Malik, Asma' binti Abu Bakar dan lain-lain lagi. Ia juga merupakan pendapat mazhab Maliki, Hanbali serta pendapat yang lebih sahih dalam kalangan ulama mazhab Syafi'ie. Hujah pendapat ini berdasarkan dalil-dalil yang berikut:

- Hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Jabir RA:

لَيْسَ فِي الْحُلِيِّ زَكَاةٌ.

Maksudnya: *"Tiada zakat dalam perhiasan."*

*(Riwayat at-Tirmizi)*

- 'Ata' meriwayatkan bahawa: *"Anak saudara perempuan 'Aisyah memiliki barang perhiasan dan beliau tidak mengeluarkan zakat ke atas perhiasan tersebut."*

*(Riwayat Ibnu Abi Syaibah)*

- Perhiasan emas wanita diharuskan oleh syarak, maka ia tidak wajib dizakatkan, sebagaimana lembu yang digunakan untuk berladang tidak dikenakan zakat kerana ia bukan harta yang berkembang (an-nama').

Pendapat ini mengambil kira keperluan atau fitrah wanita yang sukakan kecantikan dan gemar berhias. Abu Bakar al-Hishni dalam kitabnya *Kifayah*



*al-Akhyar* menyatakan bahawa: “Oleh kerana perhiasan tersebut dipakai untuk berhias dalam hal-hal yang dibolehkan, maka ia sama seperti kedudukan unta dan lembu yang digunakan untuk bekerja tetapi tidak dikenakan zakat ke atasnya.”

Tambahan pula, kebanyakan hadith yang dibawa oleh pendapat yang mewajibkan zakat ke atas perhiasan emas wanita berstatus tidak sah menurut pandangan ulama hadith.

### **(iii) Pendapat Pilihan (Pentarjihan)**

Berdasarkan penilaian terhadap kedua-dua pendapat, kebanyakan sarjana Islam semasa seperti Dr. ‘Abd al-Karim Zaydan dan Dr. Yusuf al-Qaradawi lebih cenderung memilih pendapat yang tidak mewajibkan zakat ke atas emas perhiasan yang dipakai oleh wanita kerana:

- Demi kelestarian perkahwinan, maka wanita perlu menjaga penampilannya dan berhias untuk suami adalah satu tuntutan. Termasuklah dalam hak memakai emas ini demi sentiasa menambat hati si suami.
- Menggalakkan wanita berhias untuk suami. Jika dikenakan zakat, maka hilanglah keghairahan mereka untuk berhias.

Pendapat tersebut turut diterima di Malaysia yang tidak mengenakan zakat ke atas emas perhiasan yang dipakai oleh seseorang wanita. Walau bagaimanapun, pengecualian hukum zakat ini bersyarat, iaitu tidak melampaui *uruf*. Namun, pihak berkuasa agama negeri berbeza pandangan

pula dalam menetapkan kadar *uruf* emas perhiasan yang tidak dikenakan zakat.

Hukum wajib mengeluarkan zakat emas perhiasan yang melebihi kadar *uruf* ini mempunyai masalah yang tertentu. Jika seseorang wanita sekadar memakai emas perhiasan yang tidak melebihi *uruf*, maka ia merupakan kebiasaan atau fitrah. Islam membenarkan fitrah seseorang wanita untuk berhias dengan emas perhiasan di badannya. Tetapi jika memiliki jumlah barang kemas melebihi *uruf*, maka wajib dikenakan zakat.

Hal ini selaras dengan firman Allah SWT:

...وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَكَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١٩﴾

Maksudnya: "... Dan mereka bertanya pula kepadamu: "Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)?" Katakanlah: "(Dermakanlah – apa-apa) yang berlebih daripada keperluan (kamu)." Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum-Nya) supaya kamu berfikir."

(Surah al-Baqarah 2: 219)

## 2.4 URUF BAGI PENENTUAN ZAKAT EMAS PERHIASAN

### 2.4.1 Pemakaian *Uruf* dalam Penetapan Hukum Islam

*Uruf* ialah salah satu daripada sumber-sumber perundangan Islam di samping *istihsan*, *istishab*, *masalih mursalah*, pendapat para sahabat (qawl as-Sahabah), amalan ahli Madinah dan lain-lain dalam



melakukan ijtihad selain dari sumber utama, iaitu al-Quran, as-sunnah, ijmak dan qiyas. *Uruf* tidak digunakan untuk menetapkan hukum-hakam yang telah jelas hukumnya melalui al-Quran dan as-sunnah. *Uruf* ialah amalan yang telah menjadi adat kebiasaan dan telah sebatu dalam masyarakat.

*Uruf* menurut pengertian ulama fiqh ialah:

عَادَةُ جُمُهورِ قَوْمٍ فِي قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ.

Maksudnya: “(*Uruf* itu ialah) apa yang menjadi adat (kebiasaan) sesuatu kaum dari segi percakapan ataupun amalan.”

Adat pada pandangan fuqaha ialah perkara yang dilakukan majoriti manusia baik dalam bentuk perkataan atau perbuatan secara berulang-ulang hingga meresap ke dalam jiwa mereka dan diterima dalam pemikiran mereka. Menurut Imam al-Ghazali dalam kitabnya *al-Mustasfa*, *uruf* bermaksud: “Sesuatu yang telah menjadi mantap/kuat dalam jiwa dari segi akal dan dapat diterima oleh fikiran yang sihat/baik.”

Imam al-Ghazali membahagikan *uruf* kepada dua bahagian:

- (a) *Uruf* yang diterima ialah *uruf* yang telah dikenali oleh masyarakat, tidak bertentangan dengan dalil syarak, tidak menghalalkan yang haram dan tidak membatalkan suatu yang wajib.
- (b) *Uruf* yang tidak diterima, ialah *uruf* yang diamalkan tetapi bertentangan dengan syarak, menghalalkan yang haram atau membatalkan yang wajib.

Dalam kitab *al-Asybah wa al-Naza'ir*, pengarangnya Ibnu Nujaym menyatakan: “Suatu hukum yang ditetapkan



berdasarkan *uruf* sama dengan suatu hukum yang ditetapkan berdasarkan dalil syarak.”

Dalil-dalil syarak yang menguatkan untuk berhujah dengan *uruf* adalah seperti:

- (a) Hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Jarir bin ‘Abdullah RA:

... مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً، فَلَهُ أَجْرُهَا، وَأَجْرُ مَنْ عَمَلَ بِهَا بَعْدَهُ، مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَجُورِهِمْ شَيْءٌ. وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً، كَانَ عَلَيْهِ وَزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمَلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ، مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ.

Maksudnya: “... Sesiapa yang menunjukkan amalan yang baik dalam Islam, maka dia akan mendapat pahalanya dan juga pahala orang-orang yang melakukan amalan tersebut selepasnya, tanpa mengurangkan sedikit pun daripada pahala-pahala mereka. Sebaliknya, sesiapa yang menunjukkan amalan yang jahat dalam Islam, maka dia akan mendapat dosanya dan juga dosa orang-orang yang melakukan amalan tersebut selepasnya, tanpa mengurangkan sedikit pun daripada dosa-dosa mereka.”

(Riwayat Muslim)

- (b) ‘Aisyah RA meriwayatkan bahawa Hindun mengadu kepada Rasulullah SAW: “Wahai Rasulullah! Sesungguhnya Abu Sufyan lelaki yang kedekut dan dia tidak memberikan kepadaku apa yang mencukupkanku serta anakku menyebabkan aku ambil hartanya dalam keadaan dia tidak mengetahui.” Rasulullah SAW bersabda:



خُذِي مَا يَكْفِيكَ وَوَلَدَكَ بِالْمَعْرُوفِ.

Maksudnya: “Ambillah apa yang mencukupkanmu serta anakmu dengan baik (kebiasaan menurut keperluan).”

(Riwayat al-Bukhari)

- (c) *Athar* daripada sahabat yang dipetik daripada kitab *al-Muwatta’ Imam Malik*, iaitu kata-kata ‘Abdullah bin Mas’ud RA:

مَا رَأَاهُ الْمُسْلِمُونَ حَسَنًا فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ حَسَنٌ.

Maksudnya: “Apa yang dipandang baik oleh kaum Muslimin, maka ia juga dikira sebagai perkara yang baik di sisi Allah.”

#### 2.4.2 *Uruf* Emas Perhiasan Menurut Mazhab Syafi’ie

Dalam mazhab Syafi’ie dan salah satu pendapat dalam mazhab Hanbali, emas yang dipakai sebagai perhiasan oleh wanita tidak diwajibkan zakat. Gugur kewajipan zakat pada emas perhiasan ini kerana syarak membolehkan pemakaian dan berhias dengannya untuk wanita, maka kedudukan emas perhiasan ini sama seperti pakaian dan peralatan rumah. Dengan kata lain, jika ia sentiasa dipakai maka tidak dikenakan zakat. Namun demikian, hukum itu bukanlah mutlak kerana sebahagian ulama dalam mazhab berkenaan mengecualikan pembayarannya jika tidak melampaui batasan pembaziran berdasarkan *uruf* (kebiasaan di sesebuah tempat). Walau bagaimanapun, ulama tidak menentukan kadar *uruf* yang tetap dalam pemakaian emas perhiasan ini.

Imam an-Nawawi dalam kitabnya *al-Majmu’* menyatakan bahawa: “Ulama mazhab Syafi’ie berpendapat, semua perhiasan diharuskan ke atas wanita selagi dipakai dengan tidak berlebihan yang nyata. Jika perhiasan tersebut seperti

gelang kaki yang berat 200 dinar, maka mengikut pendapat sahah sebahagian besar ulama Iraq mengharamkannya.”

Mazhab Syaf’ie berhujah dengan berasaskan hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Buraydah RA daripada bapanya:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - وَعَلَيْهِ خَاتَمٌ  
 مِنْ حَدِيدٍ فَقَالَ: مَا لِي أَرَى عَلَيْكَ حِلْيَةَ أَهْلِ النَّارِ، ثُمَّ جَاءَهُ  
 وَعَلَيْهِ خَاتَمٌ مِنْ صُفْرِ فَقَالَ: مَا لِي أَجِدُ مِنْكَ رِيحَ الْأَصْنَامِ،  
 ثُمَّ أَتَاهُ وَعَلَيْهِ خَاتَمٌ مِنْ ذَهَبٍ فَقَالَ: مَا لِي أَرَى عَلَيْكَ حِلْيَةَ  
 أَهْلِ جَهَنَّمَ، قَالَ: مِنْ أَيِّ شَيْءٍ أَتَّخِذُهُ؟ قَالَ: مِنْ وَرِقٍ، وَلَا  
 تُتَمَّهُ مِثْقَالًا.

Maksudnya: *Seorang lelaki telah mendatangi Nabi SAW dengan memakai cincin daripada besi. Maka Baginda pun bersabda: “Mengapakah aku melihat engkau seolah-olah memakai perhiasan ahli neraka?” Selepas itu, lelaki itu mendatangi Nabi SAW dengan memakai cincin daripada tembaga, maka Baginda bersabda: “Mengapa aku ada mencium bau berhala?” Lelaki itu pun datang lagi dengan memakai cincin daripada emas. Baginda pun bersabda: “Mengapakah aku melihat engkau memakai perhiasan ahli Jahanam?” Lalu lelaki itu bertanya: “Jadi cincin apa yang patut aku pakai?” Lantas Baginda bersabda: “Daripada perak dan jangan sampai beratnya satu mithqal (4.25 gram).”<sup>1</sup>*

(*Riwayat Abu Dawud dan at-Tirmizi*)

<sup>1</sup> Menurut Dr. Wahbah al-Zuhayli dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* dan Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam kitabnya *Fiqh al-Zakah*, berat 1 *mithqal* adalah bersamaan dengan 4.25 gram (200 *mithqal* bersamaan 850 gram). Timbangan ini telah dijadikan piawaian standard berat mata wang dinar yang telah ditetapkan pada zaman pemerintahan Khalifah ‘Umar bin al-Khattab dan ‘Abdul Malik bin Marwan (Khalifah Bani Umayyah) serta diguna pakai sehingga kini.



Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam kitab *al-Khatam* dan at-Tirmizi dalam kitab *al-Libas*, dan beliau berkata: "Hadith ini gharib (dalam kategori hadith dha'if)". Hadith ini menunjukkan larangan melebihi batasan kebiasaan dalam menggunakan barang kemas dan ia juga menunjukkan pengharaman cincin emas kepada lelaki.

Selain itu, mazhab Syafi'ie juga berhujah dengan hadith yang diriwayatkan oleh Mu'awiyah RA:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - عَنْ بُسِّ الذَّهَبِ إِلَّا مُقَطَّعًا.

Maksudnya: "Rasulullah SAW melarang daripada memakai emas kecuali dalam bentuk potongan."

(*Riwayat Ahmad*)

Hadith ini juga menunjukkan bahawa tidak boleh berlebihan dan hendaklah bersederhana dalam memakai perhiasan emas kerana potongan atau keratan emas menunjukkan ia adalah sedikit yang tidak berlebihan.

Syarbini al-Khatib menyatakan bahawa melakukan sesuatu perkara secara berlebihan adalah haram, seperti gelang kaki wanita yang beratnya 200 dinar. Walau bagaimanapun, ia tidak terikat dengan timbangan tertentu tetapi yang menjadi penentu dalam masalah ini ialah *uruf* pemakaian wanita sesebuah negeri.

Menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam kitabnya *Fiqh al-Zakah*: "Sebilangan orang ramai menjadikan perhiasan dan batu permata sebagai wasilah menggantikan duit dan seterusnya mengelak daripada menunaikan zakat, maka hukum ini juga terkena kepada mutiara, permata, berlian

dan semua batu perhiasan yang bernilai selagi tidak sampai batasan pembaziran maka tidak dikenakan zakat. Sebaliknya, jika melebihi batasan kebiasaan secara nyata maka ia dikira pembaziran yang diharamkan.”

## 2.5 KESIMPULAN

Emas dikenakan zakat setelah memenuhi syarat, cukup nisab dan haul dengan disepakati ulama. Emas perhiasan pada asasnya tidak dikenakan zakat selagi tidak melampau *uruf* setempat. Dengan ini, jika ia melebihi *uruf* tetapi tidak sampai tahap melampau masih lagi tidak dikenakan zakat. Emas perhiasan yang dimaksudkan adalah yang dipakai kaum wanita walaupun sekali dalam setahun sebagai perhiasan menurut pendapat yang masyhur dalam kalangan ulama. Oleh itu, dalam menentukan kewajipan zakat emas perhiasan ini dilaksanakan dengan lebih berkesan, maka kadar *uruf* pemakaian emas hendaklah dikaji dan diteliti dari semasa ke semasa.

### BAB 3

## KONSEP DAN AMALAN ZAKAT EMAS PERHIASAN DI MALAYSIA

### Sabda Rasulullah SAW:

مَا مِنْ صَاحِبِ ذَهَبٍ وَلَا فِضَّةٍ، لَا يُؤَدِّي مِنْهَا حَقَّهَا، إِلَّا إِذَا كَانَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ، صُفِّحَتْ لَهُ صَفَائِحُ مِنْ نَارٍ، فَأُحْمِيَ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ، فَيُكْوَى بِهَا جَنْبُهُ وَجَبِينُهُ وَظَهْرُهُ، كُلَّمَا بَرَدَتْ أُعِيدَتْ لَهُ، فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ، حَتَّى يُقْضَى بَيْنَ الْعِبَادِ ...

Maksudnya: "Sesiapa yang mempunyai emas dan perak tetapi tidak menunaikan zakatnya, melainkan pada hari kiamat kelak dijadikan hartanya itu beberapa keping api neraka. Setelah dipanaskan, diseterika bahagian rusuk, dahi dan belakangnya. Setiap kali ia sejuk dipanaskan semula pada satu hari yang lamanya 50 ribu tahun, sehinggalah Allah menyelesaikan segala perkara yang berkaitan dengan hamba-hamba-Nya ..."

(Riwayat Muslim)

### 3.1 PENGENALAN

Urusan kutipan dan agihan zakat di Malaysia diletakkan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang dikendalikan sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) di negeri masing-masing. Oleh itu, dalam sesetengah aspek, wujud sedikit perbezaan dari segi pengurusan zakat mengikut amalan dan adat kebiasaan di sesebuah negeri. Bab ini akan membincangkan konsep dan amalan zakat emas perhiasan di Malaysia yang mencakupi peruntukan undang-undang, fatwa dan amalan berkaitan zakat emas perhiasan serta amalan pengiraan zakat emas perhiasan di Malaysia.

## 3.2 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Peruntukan undang-undang berkaitan pengurusan zakat di Malaysia adalah seperti berikut:

### 3.2.1 Perlembagaan Persekutuan

Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan meletakkan hal ehwal agama Islam di bawah bidang kuasa negeri kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Senarai II (Senarai Negeri) Jadual Kesembilan memperuntukkan seperti berikut:

*“Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, maskahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan ta’arif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan, kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu; **Zakat, Fitrah dan Baitulmal** atau hasil agama Islam yang seumpamanya ...”*

Oleh itu, kuasa eksekutif berkaitan hal ehwal Islam menjadi tanggungjawab MAIN dan seterusnya MAIN bertindak sebagai penggubal polisi serta pentadbir agama Islam bagi negeri masing-masing.

### 3.2.2 Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri

Berdasarkan peruntukan Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, semua badan perundangan



negeri dan parlimen bagi Wilayah Persekutuan telah menggubal Statut Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri yang antara lain memperuntukkan perkara berkaitan dengan pengurusan kutipan dan agihan zakat di negeri masing-masing.

### **3.2.3 Undang-undang Zakat Negeri**

Bagi negeri Kedah, Sabah dan Sarawak, suatu enakmen atau undang-undang khas berhubung zakat telah digubal bagi maksud pengurusan zakat secara komprehensif. Selain itu, terdapat juga negeri-negeri yang telah mewujudkan peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah khusus bagi pengurusan zakat dan fitrah, iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor, Perak, Johor, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Pahang.

## **3.3 FATWA DAN AMALAN BERKAITAN ZAKAT EMAS PERHIASAN DI MALAYSIA**

### **3.3.1 Fatwa Zakat Emas Perhiasan di Malaysia**

Terdapat beberapa fatwa negeri yang menjelaskan tentang zakat emas perhiasan:

#### **(a) Wilayah Persekutuan**

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-99 pada 30 November 2016 telah berbincang dan mengambil keputusan seperti yang berikut:

- (i) Kadar *uruf had-al-israf* di Wilayah Persekutuan adalah 800 gram;
- (ii) Zakat wajib dikenakan ke atas emas perhiasan wanita apabila jumlah berat pemilikan dan pemakaiannya melebihi kadar *uruf had-al-israf*; dan



- (iii) Zakat emas perhiasan wanita dikira terhadap nilai berat yang melebihi kadar *uruf* sahaja (800 gram) atau keseluruhan emas yang dimiliki bermula jumlahnya 800 gram dan ke atas.

Status Pewartaan: Tidak diwartakan

**(b) Perlis**

Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis yang bersidang pada 11 Mei 1988, telah membincangkan Nilai Emas yang Boleh Dihukum Pakaian dan telah mengambil keputusan seperti berikut:

“Perhiasan emas dan perak yang digunakan oleh seseorang untuk perhiasannya adalah dikenakan zakat sekiranya kadar perhiasan tersebut **mencukupi nisab**.

Dalil dan Hujah:

Dalam masalah ini ulama telah berbeza pendapat mereka seperti berikut:

- (i) Mengikut pendapat Abu Hanifah dan Ibnu Hazm bahawa perhiasan emas dan perak yang digunakan oleh seseorang untuk perhiasannya adalah dikenakan zakat sekiranya kadar perhiasan tersebut mencukupi nisab berdasarkan dalil-dalil dan rujukan berikut:
- Daripada ‘Amr bin Syu’aib RA daripada bapanya daripada datuknya bahawa seorang perempuan telah datang kepada Rasulullah SAW dan bersamanya anaknya dan di tangan anak perempuannya dua gelang yang besar yang dibuat daripada emas, maka Rasulullah SAW bersabda kepadanya: *“Adakah kamu beri zakat barang ini?”* Kata perempuan itu: *“Tidak.”* Sabda Rasulullah SAW: *“Adakah kamu suka bahawa Allah memakaikan kamu pada hari kiamat dengan dua gelang daripada api neraka?”*



*Berkata rawi, maka perempuan itu menanggalkan kedua-dua utas gelang dan diberi kepada Rasulullah SAW. Maka perempuan itu berkata: "Kedua-dua ini bagi Allah dan Rasul-Nya."*

*(Riwayat at-Tirmizi)*

- Daripada Asma binti Yazid, katanya: *Aku bersama ibu saudaraku masuk menemui Rasulullah SAW, dan kami memakai beberapa utas gelang daripada emas, maka Baginda bersabda kepada kami: "Adakah kamu berdua menunaikan zakatnya?" Kami menjawab: "Tidak." Baginda bersabda lagi: "Tidakkah kamu berdua takut sekiranya Allah memakaikan kamu dengan gelang daripada api neraka? Tunaikanlah kamu berdua akan zakatnya."*

*(Riwayat Ahmad)*

(ii) Mengikut pendapat Jumhur (Syafi'ie, Ahmad dan Malik) bahawa perhiasan emas dan perak yang digunakan oleh seseorang untuk perhiasannya tidak dikenakan zakat sama ada cukup nisab atau tidak berdasarkan kepada nas dan dalil berikut:

- Daripada 'Afiah bin Aiyub daripada al-Laith bin Saad bin Zubair daripada Jabir RA daripada Rasulullah SAW bersabda: *"Tidak dikenakan zakat pada barang perhiasan (Riwayat al-Baihaqi).* Hadith ini marfu'. Kata pengarang: Hadith ini tidak ada asal baginya kerana 'Afiah bin Aiyub tidak dikenali.
- Daripada Abi Hamzah daripada Sya'bun daripada Jabir bin Abdullah berkata: *"Tidak dikenakan zakat pada barang perhiasan."*

Setelah jawatankuasa meneliti dan berbincang dengan panjang lebar serta mengkaji nas-nas dan

dalil-dalil, maka Jawatankuasa Syariah membuat keputusan bahawa perhiasan emas dan perak yang digunakan oleh seseorang untuk perhiasannya adalah dikenakan zakat sekiranya kadar perhiasan tersebut mencukupi nisab.

Sebab-sebab ditarjihkan pandangan yang mewajibkan zakat ialah:

- (i) Kerana banyak nas yang diriwayatkan daripada enam orang sahabat kesemuanya mewajibkan.
- (ii) Kekuatan sanad yang diriwayatkan.
- (iii) Banyak mereka yang berpendapat bahawa zakat *halli*<sup>2</sup> diwajibkan zakat.
- (iv) Bersesuaian dengan kaedah umum.

Status Pewartaan: Tidak diwartakan.

### (c) Perak

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Perak Darul Ridzuan Kali Ke-112 pada 9 Januari 1990 sebulat suara berpendapat seperti berikut:

- (i) "Perhiasan bagi perempuan itu adalah harus, tidak dikenakan zakat, melainkan setelah sampai had *israf*. Perhiasan yang dikatakan *israf* itu dua ratus (200) *mithqal*, lebih kurang **1/2 kilogram**. Zakat yang dikenakan ialah yang lebih dan yang dicampurkan dengan yang ada.
- (ii) Barang perhiasan yang disimpan dengan tujuan untuk pakaian, maka tidak dikenakan zakat.
- (iii) Adapun perhiasan daripada emas yang dipakai oleh orang lelaki haram dan wajib zakat apabila cukup nisabnya."

Status Pewartaan: Tidak diwartakan

---

<sup>2</sup> Istilah yang tepat ialah *al-huliyyu*.



**(d) Selangor**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali 3/2016 yang bersidang pada 27 Mei 2016 bersamaan 20 Syaaban 1437 H memutuskan bahawa:

“Kadar *uruf* emas perhiasan di negeri Selangor adalah pada pertimbangan **800 gram**. Mana-mana timbangan yang melebihi kadar *uruf* emas perhiasan adalah diwajibkan zakat.”

Status Pewartaan: Diwartakan

**(e) Negeri Sembilan**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan pada 5 Ogos 2009 telah membincangkan isu Penentuan *Uruf* Pemakaian Emas Wanita Islam Negeri Sembilan dan telah membuat keputusan:

- (i) “*Uruf* emas perhiasan bagi wanita Islam di Negeri Sembilan adalah pada kadar **200 gram** dan sekiranya melebihi daripada had kadar tersebut maka hendaklah dikeluarkan zakatnya.
- (ii) *Uruf* emas perhiasan adalah mengikut timbangan emas (gram) dan bukannya dalam bentuk nilai.
- (iii) Kaedah penaksiran zakat emas perhiasan hendaklah dibuat setelah ditolak kadar *uruf* emas perhiasan.”

Status Pewartaan: Tidak diwartakan

**(f) Melaka**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka yang bersidang pada 27 April 2010 telah membincangkan Penetapan Semula Kadar *Uruf* Pemakaian Emas di Negeri Melaka dan Kaedah Pengiraan Zakat ke atasnya dan telah membuat keputusan:

- (i) “Menetapkan bahawa kadar *uruf* pemakaian emas perhiasan oleh wanita Islam di negeri Melaka ialah sebanyak **200 gram**;

- (ii) Kadar pengiraan zakat emas perhiasan bagi negeri Melaka ialah 2.5% daripada nilai emas yang melebihi kadar *uruf* pemakaian emas yang ditetapkan seperti formula berikut:

$$2.5\% \times (\text{nilai emas} - \text{kadar } uruf) = \text{zakat emas}$$

- (iii) Meminda keputusan fatwa terdahulu dengan keputusan ini dan menyiarkannya dalam Warta Kerajaan Negeri Melaka.”

Status Pewartaan: Diwartakan pada 6 Januari 2011

Keterangan: Menurut amalan Majlis Agama Islam Melaka, “nilai emas” yang dimaksudkan ialah berat timbangan emas dalam gram.

#### **(g) Terengganu**

##### **(i) Fatwa 29 Mei 1988**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu pada 29 Mei 1988 telah membincangkan isu Kadar Emas Dijadikan Perhiasan, dan telah membuat keputusan: “Mesyuarat bersetuju bahawa kadar/had emas yang dijadikan perhiasan atau pakaian yang diharuskan dikenakan zakat apabila memenuhi syarat-syarat dan melebihi had yang sepatutnya pada *uruf* orang yang setanding atau sepadan dengannya. Adapun emas perhiasan atau pakaian yang tidak diharuskan yakni yang makruh atau haram maka apabila sampai 20 *mithqal* atau lebih, wajib dikeluarkan zakat dengan syarat-syaratnya.”

Status Pewartaan: Tidak diwartakan

##### **(ii) Fatwa 22 Jun 2010**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu Kali Ke-9 Penggal Ke-8 yang bersidang pada 22 Jun 2010 telah membincangkan Kertas Kerja Kadar *Uruf* Emas Perhiasan Wanita di Negeri Terengganu.



Mesyuarat telah membuat keputusan seperti yang berikut:

“Kertas Kerja mengenai Penentuan Kadar *Uruf* Emas dan Pemakaiannya dalam Kalangan Wanita Negeri Terengganu” daripada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), diterima dengan ‘syarat’ dan berpendapat had nilai zakat emas perhiasan wanita perlu dibawa ke Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia untuk dibahaskan secara nasional. Mesyuarat turut mengambil perhatian terhadap keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu terdahulu yang berpendapat bahawa *had israf* adalah 200 *mithqal* bersamaan **850 gram** masih diguna pakai bagi dikenakan zakat perhiasan wanita.”

Status: Tidak diwartakan

#### (h) Kelantan

Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Jawatankuasa Fatwa) pada 26 Februari 2012 telah membincangkan Penetapan Kadar *Uruf* Emas Perhiasan di Negeri Kelantan dan telah membuat keputusan:

- (i) “Mengekalkan pendapat yang sedia ada mengenai hukum emas dan perak yang dipakai dan dijadikan perhiasan wanita, iaitu pendapat jumhur ulama yang tidak mewajibkan zakat ke atasnya secara umum.
- (ii) Bagaimanapun sekiranya perhiasan emas dan perak ini dipakai secara melampau, iaitu melebihi daripada had kebiasaan dan dikategorikan sebagai pembaziran, maka ia wajib dikeluarkan zakat.

(iii) Untuk menetapkan kadar perhiasan emas dan perak yang dipakai secara melampau dan melebihi daripada had kebiasaan dan dikategorikan sebagai pembaziran, satu kajian lanjut perlu dilakukan untuk dibentangkan kepada ahli Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.”

Status Pewartaan: Tidak diwartakan

**(i) Sabah**

Muzakarah Khas Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2009 telah bersidang pada 29 Disember 2009 M bertempat di Bilik Persidangan Balai Cerap Al-Biruni Negeri Sabah bersetuju memutuskan bahawa: “Kadar *uruf* emas perhiasan di negeri Sabah adalah pada timbangan **152 gram**. Mana-mana timbangan yang melebihi kadar *uruf* emas perhiasan adalah diwajibkan zakat perhiasan sepenuhnya dengan mengecualikan nilai yang di bawah ‘*adat* atau *uruf*.”

Status Pewartaan: Tidak diwartakan

### **3.3.2 Amalan Pihak Berkuasa Zakat Negeri**

**(a) Kedah**

Lembaga Zakat Negeri Kedah menjelaskan:

“Emas yang dipakai adalah dikenakan zakat sekiranya ia melebihi had kebiasaan perhiasan (*uruf*). Had kebiasaan perhiasan ini adalah senisab, iaitu 85 gram. Anda masih wajib membayar zakat walaupun anda memakai kesemua emas perhiasan yang melebihi had kebiasaan ini.

Kaedah kiraannya ialah:

Sekiranya anda memiliki dan memakai **170 gram** atau lebih emas perhiasan anda wajib membayar zakat.”



**(b) Pulau Pinang**

Zakat Pulau Pinang menjelaskan:

“Emas yang dipakai sebagai perhiasan oleh wanita sama ada sekali sekala atau secara berterusan tidak dikenakan zakat sekiranya ia tidak melebihi *uruf* (nilai pemakaian setempat yang dibenarkan). Penggunaan *uruf* ini banyak digunakan oleh pelbagai golongan khususnya bersandarkan kepada Imam an-Nawawi yang berpegang kepada mazhab asy-Syafi’ie. Sebagai panduan, buat masa ini kadar *uruf* yang digunakan di Pulau Pinang adalah sebanyak **165 gram**.”

**(c) Johor**

Majlis Agama Islam Negeri Johor menjelaskan:

“Emas yang dipakai sama ada sekali-sekala atau berterusan sepanjang tahun tidak dikenakan zakat KECUALI jika melebihi *uruf* (nilai pemakaian setempat yang dibenarkan) maka diwajibkan zakat atas lebihan daripada *uruf* tersebut. Kadar pemakaian yang dibenarkan di negeri Johor ialah **850 gram** bagi emas. Bagi perak tiada had maksimum ditetapkan.”

**(d) Pahang**

Pusat Kutipan Zakat Pahang menjelaskan:

“Emas Pakai wajib dikeluarkan zakat sekiranya berat emas tersebut melebihi *uruf* (nilai kebiasaan pemakaian setempat). Kadar *Uruf* bagi negeri Pahang ialah **500 gram**. Kadar zakatnya adalah 2.5% dari jumlah keseluruhan nilai emas tersebut.”

**(e) Sarawak**

Tabung Baitulmal Sarawak menjelaskan:

“Kaedah pengiraan Zakat Emas terbahagi kepada dua. Pertama, kaedah pengiraan bagi emas perhiasan yang dipakai. Kadar *uruf* (had pemakaian setempat



yang tidak sampai kepada had membazir) bagi emas perhiasan yang dipakai ialah **775 gram**. Jumlah ini akan dinilai dengan harga semasa satu gram emas. Hanya baki setelah ditolak 775 gram sahaja yang akan dikira untuk dizakatkan.”

### **3.4 AMALAN PENGIRAAN ZAKAT EMAS PERHIASAN DI MALAYSIA**

#### **3.4.1 Had Minimum Diwajibkan Zakat Emas Perhiasan di Malaysia**

Terdapat dua aliran pengiraan zakat emas perhiasan wanita di Malaysia:

**(a) Kadar Nisab Zakat Emas, iaitu 85 gram**

Aliran pertama yang mewajibkan zakat ke atas semua emas sekiranya mencukupi nisab, iaitu 85 gram, termasuklah perhiasan yang digunakan oleh wanita. Aliran pertama ini merupakan keputusan fatwa negeri Perlis bertarikh 11 Mei 1988.

**(b) Kadar *Uruf* Zakat Emas Perhiasan**

Manakala aliran kedua pula (selain negeri Perlis) yang merujuk kepada pendapat muktamad mazhab Syafi'ie, iaitu tidak diwajibkan zakat ke atas emas perhiasan yang dipakai oleh wanita, walaupun ia dipakai hanya sekali setahun. Namun, sekiranya penggunaan itu melebihi kadar kebiasaan, maka zakat diwajibkan. Kadar kebiasaan ini dirujuk kepada konsep *uruf*.

Terdapat pelbagai kadar *uruf* yang diambil kira oleh negeri-negeri di Malaysia (selain negeri Perlis) bagi menjelaskan kadar kebiasaan pemakaian emas perhiasan dalam kalangan wanita. Terdapat dua kaedah penentuan *uruf* yang diguna pakai di Malaysia:



**(i) Kadar 200 *Mithqal***

Menurut fatwa negeri Terengganu bertarikh 22 Jun 2010 dan penjelasan hukum zakat Majlis Agama Islam Negeri Johor, kadar *uruf* yang dihadkan ialah 200 *mithqal* bersamaan 850 gram. Sebaliknya menurut fatwa negeri Perak bertarikh 9 Januari 1990, kadar *uruf* yang dihadkan ialah 200 *mithqal* bersamaan 500 gram. Penetapan kadar 200 *mithqal* ini dibuat berdasarkan kadar yang telah dinyatakan oleh para ulama mazhab Syafi'ie yang terdahulu seperti Imam asy-Syirazi, an-Nawawi, Syarbini al-Khatib, al-Bakri dan lain-lain.

**(ii) Kadar *Uruf* Setempat**

Manakala bagi negeri-negeri lain, terdapat pelbagai kadar yang ditetapkan mengikut ketetapan Jawatankuasa Fatwa Negeri atau amalan institusi zakat masing-masing, seperti di Wilayah Persekutuan dan Selangor 800 gram, Sarawak 775 gram, Pahang 500 gram, Negeri Sembilan dan Melaka 200 gram, Kedah 170 gram, Pulau Pinang 165 gram dan Sabah 152 gram.

**3.4.2 Kaedah Kiraan Zakat Emas Perhiasan di Malaysia**

**(a) Zakat Hanya ke atas Emas**

Had minimum pemakaian emas yang diwajibkan zakat dikira setelah sesuatu barang perhiasan emas itu ditolak daripada bahan lain seperti batu permata. Ini bermakna, zakat hanya dikenakan ke atas emas semata-mata. Terdapat pelbagai kaedah pengasingan berat batu permata atau bahan lain daripada emas yang diamalkan di MAIN atau AMZ di Malaysia:

- (i) **Perlis:** Kadar anggaran, iaitu jumlah batu ditolak sebanyak 5% hingga 15% daripada emas yang ditimbang.
- (ii) **Kedah:** Terdapat dua kaedah yang diamalkan:
  - Dikira kesemua sekali tanpa ada pengasingan batu; atau
  - Jika terdapat satu batu besar, maka ia dibahagikan tiga ( $1/3$ ) daripada emas dan jika terdapat banyak batu, maka ia dibahagi kepada lapan ( $1/8$ ) daripada emas.
- (iii) **Pulau Pinang:** Terdapat dua kaedah yang digunakan:
  - Diasingkan batu secara terus daripada emas; atau
  - Jika berlaku percampuran antara batu dan emas, maka ia dibahagi dua ( $1/2$ ) daripada keseluruhan timbangan.
- (iv) **Perak:** Kadar pengasingan batu sebanyak 30% daripada berat keseluruhan.
- (v) **Selangor:** Menggunakan berat anggaran hasil persetujuan di antara pemilik dan penerima bayaran zakat (wakil Lembaga Zakat Selangor).
- (vi) **Wilayah Persekutuan:** Menolak 1 gram hingga 10 gram daripada timbangan dan ia bergantung kepada persetujuan pemilik.
- (vii) **Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang:** Berdasarkan kepada anggaran semata-mata di mana kadar anggaran ditentukan oleh pegawai yang bertugas dan bergantung pada jumlah batu yang ada.



- (viii) **Johor:** Berat batu permata ditentukan melalui resit pembelian barang perhiasan emas. Sekiranya pemilik tiada resit pembelian, maka berat batu permata ditetapkan melalui kedai emas.
- (ix) **Terengganu:** Berdasarkan kepada anggaran, iaitu sebanyak 10% hingga 50%, bergantung kepada persetujuan pemilik.
- (x) **Kelantan dan Sabah:** Penentuan berat batu permata diserahkan kepada kedai emas untuk membuat kiraan yang tepat pada timbangan emas.
- (xi) **Sarawak:** Penentuan berat batu permata ditentukan oleh pemilik emas tersebut.

**(a) Kiraan Zakat Emas Perhiasan**

Setelah mendapat nilai sebenar emas selepas ditolak daripada bahan-bahan lain seperti batu permata dan sebagainya, maka baru dikira jumlah zakat yang wajib ke atas emas perhiasan tersebut. Terdapat tiga kaedah kiraan zakat emas perhiasan di Malaysia:

**(i) 2.5% daripada Keseluruhan Nilai Emas**

Negeri-negeri yang mengikut kaedah kiraan ini ialah Perlis, Pulau Pinang, Perak, Pahang dan Kelantan. Berdasarkan kaedah ini, zakat ke atas emas perhiasan wanita dikenakan sebanyak 2.5% daripada keseluruhan nilai emas. Amalan di negeri Pulau Pinang, Perak dan Pahang, apabila nilai emas perhiasan wanita melebihi kadar *uruf* yang ditetapkan di negeri masing-masing, maka zakat dikenakan ke atas keseluruhan emas perhiasan

tersebut tanpa menolak kadar *uruf* pemakaian yang dibenarkan.

Manakala di negeri Perlis, apabila nilai emas perhiasan wanita melebihi nisab, iaitu 85 gram, maka zakat diwajibkan ke atas keseluruhan nilai emas perhiasan tersebut. Begitu juga amalan di negeri Kelantan, walaupun tidak dinyatakan kadar *uruf* yang mewajibkan zakat emas perhiasan, tetapi sekiranya pemilik emas perhiasan mahu mengeluarkan zakat setelah melebihi had nisab 85 gram, maka zakat dikira ke atas keseluruhan nilai emas perhiasan yang dimiliki.

**(ii) 2.5% daripada Nilai Emas Setelah Ditolak Kadar *Uruf***

Menurut amalan beberapa negeri lain di Malaysia, zakat yang diwajibkan ke atas emas perhiasan hanya dikenakan pada kadar emas yang telah melebihi kadar *uruf*. Antara negeri yang menggunakan kaedah ini ialah Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu, Sarawak dan Sabah, tertakluk kepada kadar *uruf* yang ditetapkan oleh negeri masing-masing.

**(iii) 2.5% daripada Nilai Emas Setelah Ditolak Kadar Nisab**

Menurut amalan di negeri Kedah, sekiranya pemakaian emas perhiasan melebihi kadar *uruf*, iaitu 170 gram dan ke atas, zakat dikenakan sebanyak 2.5% daripada nilai emas setelah ditolak kadar nisab, iaitu 85 gram.



### **(b) Rujukan Nilai Emas**

Apabila sesuatu emas perhiasan sudah mencukupi syarat dikenakan zakat, pihak MAIN dan AMZ juga berbeza-beza dalam menentukan nilai zakat sama ada dirujuk kepada nilai emas 916, 999 atau lain-lain. Terdapat tiga kaedah rujukan nilai emas yang diamalkan di negeri-negeri:

#### **(i) Zakat Berasaskan Nilai Emas 916**

Bagi majoriti negeri, iaitu Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Sarawak dan Sabah, rujukan nilai emas ialah Emas 916.

#### **(ii) Zakat Berasaskan Nilai Emas 999**

Negeri Perlis dan Wilayah Persekutuan pula merujuk kepada nilai Emas 999.

#### **(iii) Zakat Berasaskan Nilai Emas yang Dipakai**

Negeri Perak dan Kelantan pula merujuk kepada nilai semasa emas yang dipakai oleh individu yang diwajibkan zakat itu.

## **3.5 KESIMPULAN**

Konsep dan amalan zakat emas perhiasan di Malaysia merujuk kepada peruntukan undang-undang, keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri serta amalan oleh MAIN dan AMZ di negeri masing-masing. Terdapat pelbagai pendekatan yang diguna pakai oleh MAIN dan AMZ selaku institusi yang menguruskan zakat di negeri-negeri dalam mempraktikkan urusan kutipan zakat emas perhiasan ini. Walaupun terdapat sedikit perbezaan, namun ia boleh diselaraskan dan ditambah baik dari semasa ke semasa ke arah mewujudkan amalan tadbir urus terbaik dalam pengurusan zakat di Malaysia.



## BAB 4

### Model Penetapan Kadar *Uruf* Pemakaian Emas

#### Firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ  
إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: "Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

(Surah at-Taubah 9: 103)

#### 4.1 PENGENALAN

*Uruf* merupakan adat atau kebiasaan masyarakat setempat. Ulama berselisih pandangan berkenaan konsep *uruf* dalam pemakaian emas perhiasan ini. Ada pandangan yang menyatakan *uruf* hanya pada emas yang dipakai sahaja, tidak termasuk emas yang disimpan. Manakala pandangan kedua berpendapat *uruf* meliputi kesemua emas yang dimiliki, sama ada yang dipakai pada satu-satu masa atau yang disimpan tetapi dipakai sekali-sekala dalam setahun. Bab ini akan menyentuh tentang kajian penentuan kadar *uruf* pemakaian emas pada peringkat kebangsaan, model penentuan kadar *uruf* pemakaian emas, cadangan kadar *uruf* pemakaian emas pada peringkat negeri dan kebangsaan serta cadangan pelaksanaan kajian pada peringkat negeri.



## 4.2 KAJIAN PENENTUAN KADAR *URUF* PEMAKAIAN EMAS PADA PERINGKAT KEBANGSAAN

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama pasukan kajian daripada UKM Pakarunding Sdn. Bhd. telah menjalankan **Kajian Penentuan Kadar Uruf Pemakaian Emas dalam Kalangan Wanita Islam di Negeri-negeri Seluruh Malaysia** bermula pada bulan Julai 2013 hingga Mei 2014.

Laporan akhir kajian tersebut telah dibentangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-107 pada 11 Februari 2015 bertempat di Hotel Sama-Sama KLIA, Sepang, Selangor. Jawatankuasa Muzakarah MKI telah membuat keputusan seperti berikut:

“Setelah mendengar pembentangan dan meneliti laporan penyelidikan yang disediakan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa menurut pendapat yang masyhur di kalangan fuqaha’, emas yang dipakai oleh wanita walaupun sekali dalam setahun sebagai perhiasan adalah dikenakan zakat jika melebihi kadar *uruf* setempat.

Berdasarkan dapatan kajian yang dikemukakan, Muzakarah mendapati bahawa terdapat perbezaan yang ketara dalam cadangan *uruf* pemakaian emas yang dikenakan zakat antara negeri-negeri di Malaysia.

Sehubungan itu, bagi memastikan kadar dan jurang perbezaan tersebut tidak bercanggah dengan Enakmen sedia ada di negeri-negeri, Muzakarah bersetuju supaya satu garis panduan kadar *uruf* pemakaian emas di kalangan wanita Islam disediakan untuk penyelarasan di peringkat negeri.”

Selaras dengan keputusan Jawatankuasa Muzakarah MKI tersebutlah, Garis Panduan Kadar *Uruf* Pemakaian Emas dalam Kalangan Wanita Islam ini disediakan bagi tujuan penyelarasan

dan mengelakkan perbezaan yang ketara dalam penetapan kadar *uruf* pemakaian emas yang dikenakan zakat antara negeri-negeri di Malaysia.

### 4.3 MODEL PENENTUAN KADAR *URUF* PEMAKAIAN EMAS

#### 4.3.1 Tafsiran *Uruf* bagi Zakat Emas

Tafsiran *uruf* yang paling tepat adalah berdasarkan kepada **pemilikan emas perhiasan oleh seseorang wanita, dengan syarat ia dipakai walaupun sekali dalam setahun**. Hal ini kerana emas perhiasan yang dikenakan zakat adalah ke atas emas pemilikan individu, bukan berdasarkan pemakaian. Namun, pemakaian disyaratkan dalam menentukan emas itu ialah emas perhiasan yang dikenakan zakat. Tambahan pula, kebanyakan negeri di Malaysia mengamalkan konsep tersebut. Ia juga sejajar dengan syarat pemilikan sempurna (*al-milk at-tam*) dalam syarat wajib zakat bagi barangan lain sebagaimana yang dinyatakan oleh ulama.

#### 4.3.2 Alat Penimbang Emas

Untuk mengetahui berat emas perhiasan sama ada dikenakan zakat atau tidak, alat timbangan yang sesuai perlu digunakan untuk memudahkan proses mengetahui berat timbangan emas perhiasan tersebut. Bagi menjamin ketepatan dan keseragaman, maka alat timbangan perlu mempunyai kelulusan daripada pihak berwajib seperti **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)** atau pihak yang diiktiraf oleh KPDN. Sekiranya alat timbangan tidak mempunyai kelulusan tersebut, dikhuatiri ia akan mempengaruhi ketepatan timbangan yang dilakukan seterusnya memberikan kesan kepada nilai emas sama ada wajib atau tidak wajib mengeluarkan zakat. Ia juga boleh memberikan kesan kepada kadar zakat yang perlu dikeluarkan.

### 4.3.3 Pengasingan Berat Batu daripada Emas













Kaedah tertentu perlu diwujudkan bagi mengenal pasti berat sebenar atau berat anggaran yang paling hampir kepada berat sebenar batu permata untuk ditolak daripada berat keseluruhan sesuatu emas perhiasan dan bagi mengelak daripada menggunakan kaedah-kaedah pengasingan batu dan emas berdasarkan kepada anggaran semata-mata tanpa ada sandaran yang jelas mengenainya.

**Ukuran batu yang dilakarkan pada Rajah 1 merupakan ukuran yang telah dipilih daripada beberapa ukuran yang lain.** Pemilihan terhadap ukuran ini dibuat disebabkan tidak banyak perbezaan antara satu ukuran batu dengan yang lain. Maka diputuskan tiga ukuran yang mewakili ukuran-ukuran yang lain dipilih, iaitu ukuran yang bersaiz kecil, sederhana dan besar.

Hasil ukuran ini, maka nilai berat timbangan batu akan diperoleh dengan lebih tepat atau lebih hampir kepada berat sebenar. Di samping itu, ia juga akan memberi nilai timbangan emas yang lebih tepat setelah ditolak nilai batu permata yang berdasarkan kepada ukuran ini.

Berikut merupakan ukuran batu permata yang telah dilakarkan:

UKURAN BATU PERMATA







	ZAMRUD		BATU SAFIR		BATU RUBY/MERAH DELIMA	
PELAN						
PANDANGAN BSE						
UKURAN	5.1(2) x 5.0(2) x 4.4 (7) MM	5.5(2) x 5.4(2) x 7.1 (7) MM	5.7(2) x 5.6(2) x 7.0 (7) MM	6.0(2) x 5.4(2) x 7.6 (7) MM	6.2(2) x 5.8(2) x 7.2 (7) MM	10.8(2) x 10.5(2) x 8.2 (7) MM
BERAT	0.98C = 0.19g	3.85C = 0.79g	3.68C = 0.73g	4.43C = 0.89g	3.88C = 0.77g	5.40C = 1.09g

Rajah 1: Lakaran saiz batu permata

**Rajah 1** menunjukkan gambaran lakaran sebenar bagi kesemua saiz tersebut. Terdapat tiga jenis batu permata, iaitu **Batu Zamrud, Batu Safir dan Batu Ruby/Merah Delima**. Ketiga-tiga jenis batu tersebut hanya sebagai contoh bagi jenis-jenis batu. Ukuran serta berat timbangan batu sepertimana dilakar dalam rajah tersebut bukanlah mewakili setiap jenis batu, bahkan ia mewakili keseluruhan jenis-jenis batu tersebut. Sebagaimana yang dijelaskan bahawa ukuran batu dibahagikan kepada tiga jenis utama, iaitu:

Jadual 1: Ukuran utama batu permata

SAIZ	UKURAN [Panjang (P) x Lebar (L) x Tinggi (T)]	BERAT
<b>Kecil</b>	5.1 mm (P) x 5.0 mm (L) x 4.4 mm (T)	± 0.19 g
<b>Sederhana</b>	8.7 mm (P) x 8.6 mm (L) x 7.0 mm (T)	± 0.72 g
	9.2 mm (P) x 8.9 mm (L) x 7.2 mm (T)	± 0.78 g
	9.5 mm (P) x 9.4 mm (L) x 7.1 mm (T)	± 0.79 g
	9.6 mm (P) x 9.4 mm (L) x 7.6 mm (T)	± 0.88 g
<b>Besar</b>	10.6 mm (P) x 10.5 mm (L) x 8.2 mm (T)	± 1.08 g

BERLIAN			
PELAN			
PANDANGAN SISI			
UKURAN	3.1(P) x 2.9(L) x 3.1(T) MM	4.7(P) x 3.4(L) x 4.7(T) MM	6.9 (P) x 4.7(L) x 6.9 (T) MM
BERAT	0.11C = 0.02g	0.48C = 0.096g	1.44C = 0.28g

Rajah 2: Lakaran saiz batu berlian

**Rajah 2** menunjukkan gambaran lakaran sebenar bagi **Batu Berlian** mengikut saiz masing-masing. Batu Berlian berbeza dengan batu-batu lain seperti Zamrud, Safir dan Batu Ruby/Merah Delima kerana ia mempunyai saiz yang lebih kecil serta berat timbangan yang jauh lebih ringan berbanding Batu Zamrud, Safir dan Batu Ruby/Merah Delima. Sepertimana ukuran yang terdapat dalam rajah tersebut, ia terbahagi kepada tiga ukuran utama, iaitu:

Jadual 2: Ukuran utama batu berlian

SAIZ	UKURAN [Panjang (P) x Lebar (L) x Tinggi (T)]	BERAT
<b>Kecil</b>	3.1 mm (P) x 2.9 mm (L) x 3.1 mm (T)	± 0.02 g
<b>Sederhana</b>	4.7 mm (P) x 3.4 mm (L) x 4.7 mm (T)	± 0.096 g
<b>Besar</b>	6.9 mm (P) x 4.7 mm (L) x 6.8 mm (T)	± 0.28 g

Namun berdasarkan perkembangan terkini, **telah wujud alat penimbang moden** yang dapat menimbang berat emas sahaja dengan menolak berat batu permata serta boleh mengetahui jenis emas itu sendiri. Oleh itu, setiap MAIN dan AMZ digalakkan untuk memperoleh alat tersebut bagi mendapatkan timbangan emas yang tepat, seterusnya dapat menentukan kadar zakat yang perlu dikeluarkan.

#### 4.3.4 Pengiraan Zakat Berdasarkan Jenis Emas

Emas yang dipakai sebagai perhiasan terdapat dalam banyak jenis. Namun demikian, pengiraan zakat emas perhiasan hendaklah berasaskan emas tulen, iaitu emas 999. Ini kerana penyariatan zakat terhadap emas adalah berdasarkan emas tulen. Dengan ini, jenis emas yang diambil kira dalam menentukan nisab zakat ialah emas 24 karat kerana ia menggambarkan emas tulen. Sementara emas daripada 18 atau 21 karat bukanlah emas tulen tetapi mengandungi logam dan unsur lain. Oleh itu, dalam mengetahui sama ada



emas 18 atau 21 karat telah mencapai nisab atau sebaliknya maka hendaklah diketahui setelah dinilai kepada emas 24 karat dan mencapai nisab yang ditetapkan (Islam Web 2013).

Cara pengiraan sedemikian diamalkan di beberapa negara Timur Tengah seperti Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Kuwait. Dalam fatwa UAE menyatakan: Nisab zakat harta ialah menyamai nilai 85 gram daripada emas tulen, iaitu jenis 24 karat. Dikira berdasarkan jenis 24 karat kerana ia melambangkan emas tulen. Jika sesuatu harta melebihi nisab maka dikenakan zakat keseluruhannya dengan kadar 2.5% (al-Hay'ah al-'Ammah li al-Shu'un al-Islamiyyah wa al-Awqaf, UAE, 2012). Begitu juga kedudukannya di Kuwait sebagaimana dinyatakan oleh Fatawa al-Hay'ah al-Shar'iyah (al-Watan, 2014).

Dengan ini, setiap jenis emas yang dimiliki oleh setiap wanita dinilai berdasarkan jenis emas 24 karat tersebut dalam mengenakan zakat. Walaupun majoriti wanita di Malaysia memakai perhiasan emas daripada jenis 916. Namun demikian, jika kaedah penentuan pengiraan berdasarkan jenis emas yang dimiliki dan dikenakan zakat berdasarkan nilainya boleh dilaksanakan, maka itu adalah lebih tepat.

**Formula yang dicadangkan bagi pengiraan semua jenis emas adalah dengan menukarnya hanya kepada emas 999 (24 karat)** sahaja menggunakan formula tertentu. Formula tersebut ialah, berat emas (dalam gram) didarabkan dengan jenis (karat) emas dan dibahagikan dengan angka 24. Sebagai contoh, jika seseorang memiliki emas perhiasan daripada jenis yang pelbagai, maka setiap jenis yang dimilikinya itu boleh ditukar kepada emas 999 (24 karat), lalu jumlah yang diperoleh dicampur kesemuanya untuk mendapatkan berat dalam gram. Setelah jumlah berat diperoleh, maka kadar zakatnya boleh diketahui.

Berikut ialah jadual kualiti emas mengikut ketulenannya:

Jadual 3: Ketulenan emas mengikut karat dan jenis

KARAT	JENIS	KETULENAN
24	Emas 999 (Emas Sepuluh)	99.9%
22	Emas 916	91.6%
21	Emas 875	87.5%
20	Emas 833	83.3%
18	Emas 750	75.0%
14	Emas 585	58.5%

Sebagai contoh, jika seseorang memiliki tiga jenis emas dengan berat yang berbeza, iaitu 100 gram emas 999 (24 karat), 200 gram emas 916 (22 karat) dan 300 gram emas 750 (18 karat), maka pengiraannya adalah seperti berikut:

- ❖  $100 \text{ gram} \times 24 \text{ karat} \div 24 = 100 \text{ gram}$
- ❖  $200 \text{ gram} \times 22 \text{ karat} \div 24 = 183.33 \text{ gram}$
- ❖  $300 \text{ gram} \times 18 \text{ karat} \div 24 = 225 \text{ gram}$

**Jumlah 508.33 gram**

#### 4.3.5 Pengiraan Jumlah Emas yang Dikenakan Zakat

Terdapat dua kaedah pengiraan jumlah emas yang dikenakan zakat, iaitu:

##### (a) Kadar Bayaran Zakat Dikira Kesemua Sekali Nilai Emas

Menurut mazhab Syafi'ie, zakat diwajibkan ke atas keseluruhan emas perhiasan bukan hanya terhadap lebih daripada had *uruf* setempat. Imam ar-Ramli dalam kitabnya *Nihayat al-Muhtaj* menyebut:

فَتَجِبُ الزَّكَاةُ فِي جَمِيعِهِ فِيمَا يَظْهَرُ، لَا فِي الْقَدْرِ الزَّائِدِ.

Maksudnya: "Maka zakat diwajibkan ke atas semuanya (barang kemas) sebagaimana yang zahir (menurut



*pandangan mazhab), bukannya ke atas kadar lebih sahaja."*

Walaupun begitu, kaedah ini tidaklah menjadi kaedah umum ke atas semua barang kemas, tetapi ia adalah khusus ke atas barang kemas yang telah ditempa dalam bentuk tertentu yang menurut kebiasaannya adalah melampaui batasan seperti gelang tangan atau gelang kaki. Dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* ada menyebut:

وَالْأَصْحَحُّ تَحْرِيمُ الْمُبَالِغَةِ فِي السَّرَفِ كَحَلْخَالٍ وَزُنْهُ مِائَتَا دِينَارٍ.

Maksudnya: "Menurut pendapat yang lebih sahih (*al-asahh*), haram berlebih-lebihan dalam pembaziran seperti gelang kaki yang beratnya 200 dinar."

لَا يَحْرُمُ اتِّخَاذُ سَاوِرٍ وَخَلَاخِلٍ لِتَلْبَسَ الْوَاحِدَ مِنْهَا بَعْدَ الْوَاحِدِ.

Maksudnya: "Tidak diharamkan penggunaan gelang tangan dan gelang kaki untuk dipakai satu unit selepas satu unit (*secara berasingan*)."

Kesimpulannya menurut pandangan pertama ini, emas perhiasan yang dikenakan zakat adalah ke atas keseluruhan emas yang dimiliki setelah melebihi nisab, bukan kadar yang melebihi kadar *uruf* sahaja sebagai satu bentuk hukuman terhadap sikap melampaui batasan yang dibenarkan oleh syarak. Kaedah ini dilaksanakan di Perlis, Pulau Pinang, Perak, Pahang dan Kelantan.

### **(b) Kadar Bayaran Zakat Dikira Nilai yang Melebihi Kadar *Uruf* Sahaja**

Kaedah ini dilaksanakan di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu, Sarawak dan Sabah. Manakala di negeri Kedah, kadar pembayaran zakat dikira setelah melebihi kadar *uruf* dengan ditolak nisab 85 gram dan dikenakan zakat yang selebihnya sahaja. Kaedah kiraannya ialah:



Sekiranya seseorang memiliki dan memakai emas perhiasan sebanyak 170 gram ke atas, maka wajib membayar zakat terhadap baki gram emas yang dimilikinya selepas ditolak dengan 85 gram.

Pendapat yang mengatakan bahawa kadar bayaran zakat dikira nilai yang melebihi nilai kadar *uruf* sahaja adalah berdasarkan firman Allah SWT:

... وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

Maksudnya: "... Dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau-lampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampau batas."

(Surah al-A'raf 7: 31)

Pendapat ini juga dipersetujui oleh ulama Timur Tengah di Persidangan Qadaya al-Zakah al-Mu'asirah Ke-6 tentang isu-isu zakat semasa yang berlangsung di Sharjah, Emiriah Arab Bersatu pada 3 hingga 4 April 1996:

أَنْ تَكُونَ الْكَمِيَّةُ الْمُسْتَعْمَلَةُ مِنَ الْحُلِيِّ فِي حُدُودِ الْقَصْدِ  
وَالْإِعْتِدَالِ عُرْفًا، أَمَّا إِذَا بَلَغَتْ حَدَّ الْإِسْرَافِ وَالتَّبْذِيرِ  
فَتَجِبُ الزَّكَاةُ فِيمَا زَادَ عَنْ حَدِّ الْإِعْتِدَالِ.

Maksudnya: "Jumlah perhiasan yang dipakai hendaklah dalam lingkungan pertengahan dan sederhana menurut *uruf*. Jika mencapai had yang melampau dan membazir, maka wajib dikenakan zakat pada yang melebihi kebiasaan."

Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam kitabnya *Fiqh al-Zakah* mengatakan bahawa oleh kerana kewajipan zakat berdasarkan pemakaiannya yang melebihi kebiasaan,



maka kadar kebiasaan itu dikecualikan daripada dikenakan zakat. Namun, jika dikeluarkan zakat ke atas keseluruhan emas perhiasan yang dimiliki, itu adalah lebih baik dan beramal dengan konsep berhati-hati (ihtiyat).

Pandangan ini juga berdasarkan *qiyas* terhadap zakat ke atas binatang ternakan yang dikenakan zakat hanya terhadap bilangan binatang yang melebihi nisab sahaja, bukan terhadap kesemua binatang yang dimiliki.

#### **4.3.6 Kadar *Uruf* Emas Perhiasan**

Model yang sesuai bagi menetapkan kadar *uruf* emas perhiasan yang tidak dikenakan zakat adalah dengan menggunakan kaedah gandaan kepada purata *uruf* yang diperoleh dalam sesuatu kajian yang dijalankan. Ini berdasarkan kepada pandangan yang menyatakan bahawa asal emas perhiasan tidak dikenakan zakat walaupun melebihi *uruf* biasa, namun ia dikenakan zakat jika melebihi had melampau, keterlaluan dan boleh membawa kepada pembaziran. Penentuan melampau dan membazir itu adalah subjektif kerana ada khilaf dalam kalangan ulama dalam menentukan banyak atau sedikit sesuatu perkara.

Sebahagian ulama menilai banyak atau sedikit berdasarkan jenis harta atau barangan. Menurut *Majallah al-Ahkam al-Adliyyah*, kadar banyak ialah lima peratus (5%) bagi barang perniagaan, satu persepuluh (10%) bagi binatang dan satu perlima (20%) pada harta tak alih. Menurut mazhab Maliki, penambahan atau pengurangan pada kadar satu pertiga ( $1/3$ ) pada nilai sesuatu barang sudah dianggap banyak. Mengikut sesetengah pendapat pula, ia bergantung kepada adat atau lebih khusus lagi kepada penilaian pakar.

Namun demikian dalam konteks zakat emas perhiasan, kaedah gandaan berat kepada *uruf* pemakaian yang biasa lebih sesuai untuk diamalkan kerana ulama menyatakan

kadar banyak yang dikenakan zakat itu adalah dalam keadaan melampau atau membazir.

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ  
ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

Maksudnya: *“Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampau batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.”*

(Surah *al-Furqan* 25: 67)

Menurut ayat di atas, dapatlah difahami bahawa perbelanjaan secara sederhana dan diiktiraf dalam Islam berada betul di tengah-tengah antara sifat boros atau melampau (*israf*) dan juga sifat kedekut (*bakhil*). Umat Islam digalakkan untuk bersederhana dalam melakukan sesuatu apa perkara pun demi mencapai keredhaan Allah SWT.

Dalam konteks zakat emas perhiasan, kadar purata *uruf* pemakaian emas dalam kalangan wanita Islam yang diperoleh daripada sesuatu kajian bolehlah diletakkan sebagai titik pertengahan (sederhana) di antara *bakhil* (pemakaian yang paling minimum) dan juga *israf* (pemakaian yang melampau). Ini kerana kadar purata tersebut bolehlah dikatakan sebagai titik pertengahan yang boleh mewakili semua responden dalam kajian yang dijalankan.

Sebagai contoh, berdasarkan satu kajian, purata (had sederhana) pemakaian emas dalam kalangan wanita Islam di sesuatu kawasan ialah 75 gram, manakala pemakaian yang paling minimum ialah 0 gram (*bakhil*/tidak memakai apa-apa emas perhiasan). Justeru, had *israf* (melampau) boleh



ditentukan dengan menggandakan jumlah perbezaan di antara purata (had sederhana) dan minimum (bakhil) seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 &= (\text{Purata} - \text{minimum}) \times 2 \\
 &= (75 \text{ gram} - 0 \text{ gram}) \times 2 \\
 &= 75 \text{ gram} \times 2 \\
 &= \mathbf{150 \text{ gram}}
 \end{aligned}$$

**Justeru, pendekatan gandaan purata adalah paling sesuai digunakan** kerana ulama menyatakan kadar banyak yang dikenakan zakat itu adalah dalam keadaan melampau atau membazir. Jika emas perhiasan dipakai dalam kadar *uruf*, maka masih tidak dikatakan melampau. Bahkan, jika dipakai dalam lingkungan sekali ganda, ia masih juga tidak melampau. Akan tetapi, jika dipakai melebihi sekali ganda maka dikira membazir dan melampaui batasan.

Kedudukan tersebut sejajar dengan perakuan Rasulullah SAW terhadap tindakan seorang sahabat, 'Urwah al-Bariqi yang membeli seekor kambing dan menjualnya dengan harga sekali ganda. Imam al-Bukhari meriwayatkan:

أَنَّ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - أَعْطَاهُ دِينَارًا يَشْتَرِي لَهُ بِهِ شَاةً، فَاشْتَرَى لَهُ بِهِ شَاتَيْنِ، فَبَاعَ إِحْدَاهُمَا بِدِينَارٍ، وَجَاءَهُ بِدِينَارٍ وَشَاةٍ، فَدَعَا لَهُ بِالْبَرَكَةِ فِي بَيْعِهِ، وَكَانَ لَوْ اشْتَرَى التُّرَابَ لَرَبِحَ فِيهِ.

Maksudnya: "Nabi SAW memberikannya ('Urwah al-Bariqi) wang satu dinar agar membeli seekor kambing untuk Baginda. Dengan wang tersebut, beliau membeli dua ekor kambing, kemudian beliau menjual seekor dengan harga satu dinar. Beliau pulang membawa satu dinar dan seekor

*kambing. Nabi SAW mendoakannya dengan keberkatan dalam jual belinya. Seandainya 'Urwah membeli tanah, beliau pasti memperoleh untung."*

*(Riwayat al-Bukhari)*

Berdasarkan kefahaman hadith ini, 'Urwah menjual kambing dengan harga sekali ganda daripada harga belian. Keuntungan 100 peratus yang diperoleh beliau telah diperakui oleh Rasulullah SAW. Dengan ini, jika keuntungan tidak melebihi sekali ganda maka dianggap harga tersebut adalah normal. Tetapi jika melebihi sekali ganda, maka ia dikira melampau. Oleh itu, dalam menentukan nisab emas perhiasan, yang diambil kira adalah yang melampaui *uruf*, iaitu melebihi sekali ganda *uruf* biasa. Ia juga dikira keterlaluan dan membazir, maka dikenakan zakat.

#### 4.4 CADANGAN KADAR *URUF* PEMAKAIAN EMAS PADA PERINGKAT NEGERI DAN KEBANGSAAN

##### 4.4.1 Cadangan Kadar *Uruf* Peringkat Negeri

Berdasarkan hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh JAWHAR dengan kerjasama UKM Pakarunding Sdn. Bhd. pada tahun 2013 dan 2014, cadangan kadar *uruf* pemakaian emas dalam kalangan wanita Islam di negeri-negeri seluruh Malaysia adalah seperti jadual yang berikut:

Jadual 4: Berat cadangan *uruf* pemakaian emas yang dikenakan zakat

Negeri	<i>Uruf</i> Lama (gram)	<i>Uruf</i> Purata (gram)	<i>Uruf</i> Gandaan (gram)	<i>Uruf</i> Cadangan (gram)
Terengganu	850	118.42	236.84	<b>240</b>
Johor	850	39.09	78.18	<b>85</b>
Wilayah Persekutuan	800	38.01	76.02	<b>85</b>
Selangor	800	61.98	123.96	<b>130</b>



Negeri	<i>Uruf</i> Lama (gram)	<i>Uruf</i> Purata (gram)	<i>Uruf</i> Gandaan (gram)	<i>Uruf</i> Cadangan (gram)
Sarawak	775	47.14	94.28	<b>100</b>
Perak	500	76.71	153.42	<b>160</b>
Pahang	500	66.73	133.46	<b>140</b>
Negeri Sembilan	200	59.15	118.3	<b>120</b>
Melaka	200	89.58	179.16	<b>180</b>
Kedah	170	69.14	138.28	<b>140</b>
Pulau Pinang	165	74.02	148.04	<b>150</b>
Sabah	152	144.72	289.44	<b>290</b>
Perlis	85	51.41	102.82	<b>110</b>
Kelantan	Tiada <i>Uruf</i>	90.75	181.5	<b>190</b>
<b>Purata</b>	<b>465.15</b>	<b>73.35</b>	<b>146.69</b>	<b>150</b>

- \* *Uruf* kadar purata ialah nilai purata yang diperoleh melalui sampel kajian di negeri-negeri ke atas sejumlah wanita pemilik barangan kemas.
- \* *Uruf* kadar purata yang digunakan dalam kajian bermaksud *uruf* kadar purata maksimum yang mana kadar ini diperoleh dengan membahagikan jumlah nilai sebilangan kuantiti sampel *uruf* lama maksimum dengan bilangan kuantiti sampel tersebut.
- \* Cadangan kadar *uruf* peringkat kebangsaan ialah cadangan kadar *uruf* standard yang boleh diterima pakai oleh negeri-negeri. Cadangan ini diperoleh berdasarkan purata kadar *uruf* 14 buah negeri digandakan sekali ganda dan menjadi cadangan kadar maksimum *uruf* kebangsaan bagi pemakaian yang tidak melampau.

#### 4.4.2 Cadangan Kadar *Uruf* Peringkat Kebangsaan

Berdasarkan hasil kajian yang sama, cadangan kadar *uruf* pemakaian emas dalam kalangan wanita Islam pada peringkat kebangsaan dikira berdasarkan purata kadar *uruf* di semua 14 buah negeri termasuk Wilayah Persekutuan. Justeru, kadar yang dicadangkan ialah **150 gram** (dibundarkan daripada 146.69 gram atas dasar ihtiyat).

Cadangan 150 gram sebagai kadar *uruf* pemakaian emas yang standard pada peringkat kebangsaan ini jika diterima pakai pada peringkat negeri, ia akan mendatangkan kesan-kesan yang signifikan kepada MAIN dan AMZ seluruh Malaysia, antaranya:

**(a) Penyelarasan Kadar *Uruf* Pemakaian Emas Seluruh Negara**

Cadangan kadar *uruf* yang standard, iaitu 150 gram diharapkan akan dapat menyeragamkan kadar *uruf* pemakaian emas yang berbeza-beza pada peringkat negeri atau merapatkan jurang perbezaan sedia ada yang agak ketara.

**(b) Penetapan Kadar *Uruf* bagi Semua Negeri di Malaysia**

MAIN dan AMZ juga boleh menjadikan hasil dapatan kajian ini sebagai asas serta panduan dalam penetapan kadar *uruf* pada peringkat negeri, terutamanya bagi negeri yang masih belum menetapkan kadar *uruf* untuk diguna pakai di negeri masing-masing.

**(c) Peningkatan Hasil Kutipan Zakat Emas Seluruh Malaysia**

Memandangkan purata kadar *uruf* sedia ada adalah pada kadar 465.15 gram sebagaimana dalam **Jadual 4**, menetapkan kadar *uruf* kepada kadar yang lebih rendah, iaitu 150 gram akan dapat meningkatkan lagi hasil kutipan zakat emas seluruh negara kerana lebih ramai umat Islam yang akan tertakluk kepada kewajipan membayar zakat emas milik mereka.

#### **4.5 CADANGAN PELAKSANAAN KAJIAN PADA PERINGKAT NEGERI**

Kajian penentuan kadar *uruf* pemakaian emas juga perlu dilaksanakan pada peringkat negeri dari semasa ke semasa bagi memastikan agar kadar *uruf* yang diguna pakai bersesuaian dengan realiti yang berlaku. Bagi tujuan pelaksanaan kajian ini, dicadangkan agar melibatkan pelbagai agensi berkaitan seperti JAWHAR, Majlis

Agama Islam Negeri (MAIN), Agensi Mengurus Zakat (AMZ) dan sebagainya menggunakan metodologi seperti berikut:

#### **4.5.1 Reka Bentuk Penyelidikan**

Pelaksanaan kajian hendaklah berasaskan aktiviti penyelidikan sains sosial yang diterima pakai mengikut piawai semasa. Oleh itu, langkah-langkah berikut perlu dilaksanakan bagi membolehkan segala proses pengutipan data dan maklumat dapat memenuhi keperluan kajian dan mencapai tahap pawaian penyelidikan sains sosial masa kini:

- (a) Pengumpulan kajian akademik terdahulu berkaitan dengan emas.
- (b) Bilangan responden kajian yang sesuai dan disasarkan mengikut kawasan yang dikenal pasti secara terarah.
- (c) Pengumpulan maklumat sekunder daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), JAWHAR dan agensi berkaitan termasuk MAIN serta AMZ.
- (d) Pengumpulan data primer – melalui lawatan tapak, *survey* dan perbincangan dalam bengkel kumpulan berfokus.

Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dengan berpandukan kepada maklumat primer dan sekunder serta disokong oleh pendekatan kualitatif bagi mengukuhkan lagi analisis data yang diperolehi. Penggunaan instrumen borang soal selidik juga amat perlu bagi menjayakan *survey* kepada responden yang terlibat.

#### **4.5.2 Data Kuantitatif**

Dicadangkan agar bilangan responden yang terlibat sekurang-kurangnya berjumlah 0.1% daripada jumlah semasa penduduk wanita Melayu berumur 21 tahun ke atas di setiap negeri. Responden yang dipilih hendaklah secara



rawak berstrata sebagai sampel. Kajian dijalankan menggunakan soal selidik dengan menemu bual secara bersemuka. Temu bual ini membantu untuk menghasilkan analisis yang efektif dan representatif. Jumlah ini adalah memadai dengan mengambil kira sampel yang mewakili populasi pada aras *margin of error* 3%.

Justeru, dapatan kajian yang diperoleh berupaya diguna pakai bagi mengemukakan cadangan yang bersesuaian. Temu bual ini dapat membantu untuk menghasilkan data yang lebih mendalam dan terfokus seterusnya menghasilkan analisis yang efektif dan representatif bagi kes-kes yang tertentu. Jumlah sampel yang mencukupi secara statistiknya bersama dengan cara pengumpulan data yang berkualiti menghasilkan satu kajian yang mempunyai tahap kebolehpercayaan, kesahan dan *generalizability* yang tinggi. Justeru, dapatan kajian yang diperoleh berupaya diguna pakai bagi mengemukakan cadangan yang bersesuaian.

#### **4.6 KESIMPULAN**

Kajian penentuan kadar *uruf* pemakaian emas perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan agar kadar *uruf* yang diguna pakai bersesuaian dengan realiti semasa. Hasil dapatan kajian yang telah dilaksanakan oleh JAWHAR dengan kerjasama UKM Pakarunding Sdn. Bhd. pada tahun 2013 dan 2014 sebagaimana dalam perenggan 4.4 boleh diguna pakai pada peringkat negeri dan kebangsaan bagi tujuan penyelarasan. Kajian yang hendak dijalankan pada peringkat negeri pula boleh mengguna pakai metodologi sebagaimana yang telah dijelaskan dalam perenggan 4.5 bab ini bagi tujuan penyelarasan. Kajian semula dicadangkan untuk dilaksanakan dalam jangka masa tertentu, sebagai contoh setiap lima tahun atau seumpamanya mengikut kesesuaian dan keperluan di negeri masing-masing.

## BAB 5

### Penutup

#### Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا  
وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي  
سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ  
عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, amil yang mengurusnya, orang mualaf yang dijinakkan hatinya, untuk hamba yang hendak memerdekakan dirinya, orang yang berhutang, untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."

(Surah at-Taubah 9: 60)

#### 5.1 PENGENALAN

Penerbitan garis panduan ini diharap akan dapat memberikan kefahaman kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) serta masyarakat umum tentang konsep zakat emas perhiasan dalam Islam serta kaedah penentuan kadar *uruf* pemakaian emas perhiasan dalam kalangan wanita Islam di Malaysia. Justeru, setiap individu dan organisasi yang terbabit berhak bertindak berdasarkan panduan yang telah diperjelaskan

dalam garis panduan ini terutamanya berkaitan aspek peruntukan perundangan serta model penetapan kadar *uruf* pemakaian emas dalam kalangan wanita Islam di negeri-negeri seluruh Malaysia.

## 5.2 IMPAK

Hasil yang diharapkan daripada penerbitan garis panduan ini adalah seperti berikut:

- (a) Penyeragaman kaedah pengurusan dan penetapan kadar *uruf* emas perhiasan di semua negeri;
- (b) Penetapan kadar *uruf* emas perhiasan yang standard di Malaysia;
- (c) Penyeragaman kaedah pelaksanaan kajian semula kadar *uruf* emas perhiasan oleh semua MAIN dan AMZ seluruh negara;
- (d) Peningkatan ilmu pengetahuan dan kefahaman masyarakat Islam berkaitan zakat emas perhiasan; dan
- (e) Peningkatan keyakinan masyarakat Islam kepada institusi-institusi zakat di Malaysia serta kaedah pengurusan kutipan dan agihan zakat yang dilaksanakan di seluruh negara.

## 5.3 KESIMPULAN

*Garis Panduan Kadar Uruf Pemakaian Emas dalam Kalangan Wanita Islam* merupakan salah satu daripada Siri Manual Pengurusan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) yang berperanan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada pihak MAIN dan AMZ serta masyarakat umum. Justeru, penerbitan garis panduan ini adalah selaras dengan fungsi JAWHAR, iaitu menyelaraskan keseragaman institusi zakat dengan mewujudkan sistem tadbir urus terbaik yang seragam sebagai garis panduan dan rujukan MAIN serta AMZ. Maklum balas positif dan sokongan padu MAIN dan AMZ serta masyarakat umum diharapkan agar usaha penambahbaikan dan pemantapan garis panduan ini dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa.



## **RUJUKAN:**

### **(1) Nas al-Quran**

- (a) Al-Quran al-Karim.
- (b) Sheikh Abdullah Basmeih. (1980). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

### **(2) Nas Hadith**

- (a) Abu Dawud, Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sajastani. (1389 H). *Sunan Abi Dawud*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- (b) Ahmad bin Hanbal. *Musnad*. Jld. 4. al-Maktabah al-Islami.
- (c) Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1400 H). *Sahih al-Bukhari*. Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyah.
- (d) Malik bin Anas. (1991). *al-Muwata'*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- (e) Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi. (1374 H). *Sahih Muslim*. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- (f) al-Tirmizi, Muhammad bin 'Isa al-Salami. *al-Sunan*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

### **(3) Undang-undang/Peraturan/Kaedah**

- (a) Perlembagaan Persekutuan.
- (b) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.
- (c) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri.
- (d) Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001.
- (e) Enakmen Zakat Kedah 1374 (1955).
- (f) Enakmen Zakat dan Fitrah Sabah 1993.
- (g) Undang-undang Zakat dan Fitrah (Sarawak) 1966.
- (h) Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012.
- (i) Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Perak) 1975.
- (j) Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Johor) 1962.
- (k) Peraturan-peraturan Pungutan Zakat dan Fitrah Negeri Pulau Pinang 1979.
- (l) Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah, Urusan Wakaf dan Baitulmal Negeri Melaka 1982.
- (m) Kaedah-kaedah Fitrah Negeri Sembilan 1962.
- (n) Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pahang) 1970.

#### (4) Buku/Kitab

- (a) Abu Malik, Kamal bin al-Sayyid Sali. (2003). *Sahih Fiqh as-Sunnah*. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyah.
- (b) Abu 'Ubayd, al-Qasim bin Salam. *al-Amwal*. Sunt. Khalil Muhammad Harras. Beirut: Dar al-Fikr.
- (c) Fakhr al-Razi. (1999). *al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- (d) al-Fayruz Abadi. *al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Dar al-Jabal.
- (e) Ibnu Manzur, Abu al-Fadhli Muhammad bin Mukram. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- (f) Ibnu Qudamah, Abdullah bin Ahmad bin Muhammad al-Maqdisi. *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Fikr.
- (g) Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri. (2008). *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- (h) al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad bin 'Ali al-Zin. (1984). *al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- (i) Lembaga Zakat Selangor. (2013). *Fatwa Sistem Pengurusan Kutipan Zakat Negeri Selangor 2013*.
- (j) Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (k) Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & 'Ali al-Syarbaji. (2000). *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafi'ie*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- (l) al-Nawawi, Abu Zakariya Yahya bin Syaraf. *al-Majmu' Syarah al-Muhazzab*. al-Maktabahal-Salafiyah.
- (m) al-Qurtubi, Abu 'Abdillah, Muhammad bin Ahmad al-Ansari, 1964. *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- (n) al-Ramli, Ahmad bin Hamzah bin Syihab al-Din. *Nihayah al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- (o) Subayhi, Ibrahim bin Muhammad. *Zakat al-Hulliy*.
- (p) al-Syafi'ie, Muhammad bin Idris. (1980). *al-Umm*. Dar al-Fikr lil-Tiba'ah wal-Nasyr.
- (q) al-Tabarani. (1995). *al-Mu'jam al-Kabir*. Maktabah al-Ma'arif.
- (r) Wahbah al-Zuhaili, (1999). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- (s) Wahbah al-Zuhaili. (2004). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- (t) Yusuf al-Qaradawi. (2001). *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- (u) al-Zarqa, Mustafa. (1387 H). *al-Madkhal al-Fiqhi al-'Am*. Dar al-Fikr.



### **(5) Kajian Ilmiah**

- (a) UKM Pakarunding Sdn. Bhd. (2014). *Kajian Penentuan Kadar Uruf Pemakaian Emas di Kalangan Wanita Islam di Negeri-negeri Seluruh Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri.

### **(6) Kertas Kerja**

- (a) Anwar Fakhri bin Omar. (2015). "Model Penetapan Kadar Uruf Pemakaian Emas". Kertas Kerja dalam Bengkel Penyediaan Manual Pengurusan Kadar Uruf Emas Perhiasan. Melaka, 12 – 14 Mei 2015.
- (b) Arieff Salleh bin Rosman. (2015). "Konsep dan Amalan Zakat Emas Perhiasan di Malaysia". Kertas Kerja dalam Bengkel Penyediaan Manual Pengurusan Kadar Uruf Emas Perhiasan. Melaka, 12 – 14 Mei 2015.
- (c) Mat Noor bin Mat Zain. (2015). "Zakat Emas Perhiasan Menurut Syarak". Kertas Kerja dalam Bengkel Penyediaan Manual Pengurusan Kadar Uruf Emas Perhiasan. Melaka, 12 – 14 Mei 2015.
- (d) Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman. (2014). "Penguatkuasaan Undang-undang Zakat di Malaysia: Suatu Penilaian". Kertas Kerja dalam Ijtima' Penggerak Zakat Kebangsaan 2014. Kuala Lumpur, 17 November 2014.

### **(7) Majalah**

- (a) Syafiqah al-Syahawi Ridwan. "Zakah Hulliy al-Mar'ah" dlm. *Majallah al-Zahra'* Bil. 24, Bulan Mac, hlm. 859. Kaherah: Jami'ah al-Azhar.

### **(8) Laman Web**

- (a) Batu Ruby – Merah Delima, <http://www.baturuby.com>, diakses pada 4 Mac 2016.
- (b) Batu Safir – Sapphire, <http://www.batusafir.com>, diakses pada 4 Mac 2016.
- (c) Batu Zamrud – Emerald, <http://www.batuzamrud.com>, diakses pada 4 Mac 2016.
- (d) Batu Permata: Zamrud, Safir, Ruby, Cat Eye, Intan/Berlian, dll, <http://yamarajewels.blogspot.com>, diakses pada 4 Mac 2016.
- (e) Harga Emas Malaysia, <http://www.hargaemas.com.my/jenis-emas-kualiti-dan-karat>, diakses pada 4 Mac 2016.
- (f) Indonetnetwork, <http://kayanagroup.indonetnetwork.co.id/prod>, diakses pada 4 Mac 2016.
- (g) Islam Web, <http://fatwa.islamweb.net/fatwa/index.php?page=showfatwa&Option=Fatwald&Id=265>, diakses pada 4 Mac 2016.

- (h) Jabatan Zakat Negeri Kedah, <http://www.zakatkedah.com/services/zakat-emas/>, diakses pada 4 Mac 2016.
- (i) Majlis Agama Islam Negeri Johor, [http://www.majj.gov.my/?page\\_id=110](http://www.majj.gov.my/?page_id=110), diakses pada 4 Mac 2016.
- (j) Pusat Kutipan Zakat Pahang, <http://www.zakatpahang.my/v3/index.php/2014-09-02-14-41-09/2014-10-01-00-59-25/emas-dan-perak>, diakses pada 4 Mac 2016.
- (k) Pusat Pungutan Zakat, <http://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-zakat/zakat-emas>, diakses pada 4 Mac 2016.
- (l) Pusat Zakat Sabah, Majlis Ugama Islam Sabah, [http://www.zakat.sabah.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=30&Itemid=157&lang=en](http://www.zakat.sabah.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=30&Itemid=157&lang=en), diakses pada 4 Mac 2016.
- (m) Tabung Baitulmal Sarawak, <https://www.tbs.org.my/www/?page=62>, diakses pada 4 Mac 2016.
- (n) Zakat Pulau Pinang, <http://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/2013-06-30-10-54-31/jenis-zakat/zakat-emas-perak>, diakses pada 4 Mac 2016.








**JAWHAR**

[www.jawhar.gov.my](http://www.jawhar.gov.my)

**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI  
(JAWHAR)**

JABATAN PERDANA MENTERI,  
Aras 8 – 9, Blok D,  
Kompleks Islam Putrajaya (KIP),  
Jalan Tun Abdul Razak,  
Presint 3, 62100 Putrajaya.  
Tel: 603-8883 7400  
Faks: 603-8883 7406



-  Facebook : [facebook.com/jabatanwakafzakatdanhajj](https://facebook.com/jabatanwakafzakatdanhajj)
-  Tiktok : [myjawhar](https://tiktok.com/myjawhar)
-  Instagram : [jawhar\\_jpm](https://instagram.com/jawhar_jpm)
-  Youtube : [jawharchannel](https://youtube.com/jawharchannel)
-  X : [jawhar\\_jpm](https://x.com/jawhar_jpm)